

MIS 121 MEI 2026

4 ZULHIJAH 1447H

WAN TUN HUSSEIN ONN
WORTRADE CL KUALA LUMPUR



Majlis Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen IKMa - UKKM



SIDANG EDITOR

Penasihat

Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Editor

Hamidah Mohd Jos

Editor

Nor Aslamiah Ali
Noor Shafeeza Zainuddin
Nur Syazwani Zainul Abidin
Mohamad Suandi Mortadza
Muhammad Afnan Hasim
Norawati Ngatmin
Afiza Abdul Karim
Nor Azmawati Hj. Mohd Shafii
Khairul Akmal Saim
Dinah Nabilah Mokhtaruddin
Nazirah Baharudin
Adila Hashim
Maryam Hamidah Mohd Ghazi
Julizah Sabstu
Nuur-Fadzillah Zullkepli
Muhamad Shafiq Mohd Noor
Nur Syamimi Othman
Norul Hayatie Hashim
Norfaezah Mahmood
Zaharatul Laili Zakaria
Mohamad Fariq Adlan

Urus Setia

Penerbit IKMa

Semakan Pruf

Zaharatul Laili Zakaria

Dicetak oleh

Reka Cetak Sdn. Bhd.
No 14, Jalan Jemuju Empat
16/13D
Seksyen 16
40200 Shah Alam, Selangor
Telefon:(03) 5510 4758
Faks:(03) 5510 4059
Website: www.rekacetak.com

DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam sejahtera

Alhamdulillah, Majalah INFO Bil. 1/2026 kembali menemui para pembaca dengan himpunan berita dan sorotan aktiviti Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang mencerminkan dinamika serta komitmen berterusan IKMa dalam memperkasa gerakan koperasi negara. Tahun 2026 merupakan tahun yang cukup bermakna apabila IKMa melangkah ke usia 70 tahun, satu perjalanan panjang yang sarat dengan legasi, pengalaman dan sumbangan dalam pembangunan modal insan koperasi. Selaras dengan sambutan 70 tahun IKMa, pelbagai program sambutan turut dirancang antaranya Karnival JOM IKMa, Forum Perdana, Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi, Majlis Makan Malam Bersama Gerakan Koperasi, Seminar Antarabangsa, Gotong-royong Perdana, Pelancaran Buku Coffee Table 70 tahun dan lain-lain lagi.

Seiring dengan sambutan Jubli Platinum ini, pelbagai inisiatif dan program terus digerakkan bagi mendekatkan IKMa dengan komuniti koperasi di seluruh negara. Dalam perkembangan yang turut mencorakkan perjalanan pembangunan pendidikan koperasi, Majlis Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen kali kedua Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) menjadi antara sorotan penting edisi kali ini. Majlis tersebut bukan sahaja meraikan pencapaian para graduan, malah memperlihatkan komitmen berterusan dalam melahirkan modal insan berpengetahuan dan berketerampilan bagi menyokong masa depan gerakan koperasi negara.

Pada masa yang sama, Program JOM@COOP 2026 yang dilaksanakan di pelbagai lokasi menjadi bukti kesungguhan IKMa untuk turun padang, menyampaikan ilmu, memperluas jaringan serta meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan dan potensi koperasi. Perkongsian berkaitan transformasi digital, peluang perniagaan, pembangunan komuniti dan pemerkasaan modal insan turut memperlihatkan keperluan koperasi untuk terus bergerak seiring dengan perubahan semasa. Peranan IKMa dalam aspek pembangunan kompetensi dan pengukuhan kepimpinan terus menjadi keutamaan.

Justeru, majalah INFO kali ini turut mengetengahkan pelbagai inisiatif IKMa dalam memperkasa program latihan dan pembangunan kompetensi warga koperasi. Selain itu, pembaca juga disajikan dengan pelbagai artikel yang sarat dengan ilmu, idea dan amalan terbaik bagi membantu koperasi memperkukuh pengurusan, memanfaatkan peluang baharu serta melangkah ke arah organisasi yang lebih berdaya saing, inovatif dan mampan.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terus menyumbang kepada pembangunan dan kecemerlangan IKMa. Semoga Majalah INFO ini menjadi wadah perkongsian maklumat, dokumentasi perjalanan serta cerminan semangat warga IKMa dalam menjayakan aspirasi **“Mendidik Koperasi, Menjulang Legasi.”** Selamat membaca dan semoga setiap perkongsian yang diketengahkan memberikan manfaat serta inspirasi kepada para pembaca.

Hamidah Mohd Jos



KANDUNGAN

Eksklusif

Majlis Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen IKMa - UKKM..... 4

IKMa Perkukuh Agenda Transformasi Koperasi Negara..... 6

JOM@COOP

Jelajah Platinum Perkasa Komuniti Koperasi Sarawak..... 8

Pemeriksaan Gerakan Koperasi Zon Utara..... 11

Bicara Ilmu Pematuhan Syariah dalam Koperasi..... 13

JOM@COOP Stesen Kuala Lumpur Satukan Komuniti Koperasi..... 15

Perkongsian Santai Transformasi Digital Koperasi..... 17

Latihan dan Pendidikan Koperasi Diperkasa di Senawang..... 19

Kemeriahan Program JOM@COOP Zon Timur..... 21

Penyatuan Agensi Perkasa Komuniti Koperasi Sabah..... 22

Fokus

Kecemerlangan Diraikan, Kerjasama Diperkukuh..... 26

Bicara CEO: Menerajui Masa Depan Koperasi: Langkah Profesional, Impak Luar Biasa..... 29

Perspektif

CEO Talk: Kepimpinan Dari Meja Lembaga ke Jiwa Anggota..... 30

Bengkel Akreditasi Penaksir Emas Ar-Rahnu..... 32

Bengkel In House KOPSYA: Memperkukuh Pengurusan Strategik dan Operasi Ar-Rahnu..... 33

Kursus Kanvas Model Perniagaan Koperasi (BMC)..... 35

Bicara Ilmu: Amalan ESG dalam Perniagaan Koperasi Mampai..... 36

Bicara Ilmu Ramadan: Memimpin dengan Hati, Mengurus dengan Amanah..... 37

Bicara Ilmu: Bisnes Tanpa Manipulasi..... 39

Program Bimbingan Meningkatkan Pendapatan Koperasi..... 40

Lawatan Industri ke Kilang Queyun Tuhau: Meneroka Potensi Perniagaan OEM..... 42

Bicara Ilmu: Profesional dalam Tindakan, Positif dalam Minda..... 44

Pacu Transformasi Perniagaan Koperasi Berteraskan AI..... 46

Jaringan

Menelusuri Warisan Gua Niah..... 48

Pengerusi IKMa Santuni Warga IKMa Zon Tengah..... 50

Kolaborasi IKMa dan SustNET Perkukuh Integrasi ESG dalam Gerakan Koperasi Malaysia..... 52

Strategic Governance, Capability & Communication: Memperkasa Tadbir Urus Global..... 54

Dari Ladang ke Piramid: Apa yang Boleh Dipelajari untuk Masa Depan Koperasi?..... 57

COOPBIZ 2026: Memacu Transformasi Perniagaan Koperasi melalui Akses Pembiayaan Strategik..... 59

IKMa Cawangan Tawau Perkukuh Jaringan Strategik Bersama Felda Wilayah Sahabat..... 61

Lawatan Penanda Aras Koperasi Kariah Masjid..... 62

IKMa dan Yayasan ANGKASA Perkasa Graduan Melalui Sijil Pengurusan Koperasi..... 64

Berita Kakitangan

Semarak Ilmu di Hari Terbuka Perpustakaan Tan Sri Noh Omar 2026..... 66

Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Mahasiswa UiTM Puncak Perdana: Memacu Kerjaya dalam Pengurusan Maklumat..... 68

Nuansa Batik Malaysia Warnai Majlis APC 2025: IKMa Rai 21 Penerima Perkhidmatan Cemerlang..... 69

Memperkasa Kompetensi Pegawai Latihan Profesional..... 71

Unggul Bersinar: SPINE Angkat Martabat IKMa 2026..... 72

Program Bubur Lambuk, Imarahkan Ramadan..... 74

Program Ihya Ramadan 2026 IKMa Zon Timur..... 75

Program Korban 2026 anjuran BAKIM Eratkan Ukhuwah Warga IKMa..... 77

Pengiktirafan..... 78

Galeri..... 79



MAJLIS PEMASYHURAN CANSOLOR DAN KONVOKESYEN IKMa - UKKM

Mohamad Fariq Adlan

fariq@ikma.edu.my

Unit Komunikasi Korporat



Sesi Pemasyhuran Canselor YB Encik Steven Sim Chee Keong.



Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) terus melakar sejarah penting dalam memperkukuh peranannya selaku institusi pengajian tinggi berteraskan koperasi. Majlis Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen kali kedua UKKM telah berlangsung pada 21 Mei 2026 di Dewan Tun Hussein Onn, World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL). Majlis dwi-acara yang gilang-gemilang ini menggabungkan sambutan pencapaian akademik bagi graduasi kohort kedua serta pemasyhuran Canselor UKKM yang baharu.



Majlis konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 26 orang graduan berjaya menerima diploma dan ijazah masing-masing yang merangkumi lima program akademik utama.

program akademik utama. Canselor menekankan bahawa transformasi koperasi pada masa hadapan amat memerlukan penglibatan lebih ramai generasi muda, profesional, dan teknokrat dalam kepimpinan serta tadbir urus.

Majlis dwi-acara ini telah dihadiri oleh hampir 500 para jemputan yang terdiri daripada ibu bapa, penggiat akademik, koperator, serta pemain industri. Kehadiran para penggiat daripada pelbagai latar belakang ini secara langsung mendedahkan peranan UKKM kepada masyarakat umum yang melangkaui komuniti koperator sedia ada.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua graduan masa depan industri kini berada di tangan anda untuk dipacu ke persada dunia.

Dalam majlis ini, YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Encik Steven Sim Chee Keong, telah dimasyhurkan secara rasmi sebagai Canselor UKKM yang baharu. Majlis konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 26 orang graduan berjaya menerima diploma dan ijazah masing-masing yang merangkumi lima





YB Menteri menandatangani buku pelawat sebagai simbolik lawatan dan ketibaan rasmi beliau ke IKMa.

IKMa PERKUKUH AGENDA TRANSFORMASI KOPERASI NEGARA

Mohamad Fariq Adlan
fariq@ikma.edu.my
Unit Komunikasi Korporat

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju pembangunan modal insan dan pemangkin transformasi gerakan koperasi negara menerusi kunjungan rasmi Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sempena Sesi Taklimat Korporat Agensi yang berlangsung pada 31 Mac 2026 di kampus IKMa, Petaling Jaya, Selangor.

Lawatan kerja tersebut bukan sekadar pertemuan rasmi, malah menjadi medan strategik bagi membincangkan hala tuju, memperkenalkan inisiatif baharu serta memperkukuhkan agenda pembangunan keusahawanan dan

gerakan koperasi negara ke arah yang lebih progresif, berdaya saing dan mampan.

YB Menteri menerangkan inisiatif daripada pihak KUSKOP, antaranya pelaksanaan Program PowerUp10K yang diperkenalkan dengan aspirasi meningkatkan kapasiti, keupayaan dan daya saing 10,000 buah syarikat Malaysia. Program ini dilihat mampu memperkukuh daya tahan perniagaan tempatan agar lebih bersedia menghadapi cabaran ekonomi masa hadapan serta berupaya meneroka peluang dalam ekosistem ekonomi digital yang semakin berkembang.

Antara inisiatif juga di bawah kempen Hebatkan Perniagaan Malaysia (HPM) ialah usaha memperkasakan koperasi sekolah menerusi pelaksanaan projek *Business School in School*, iaitu satu pendekatan inovatif yang dirancang bagi melahirkan generasi usahawan muda yang kompeten, kreatif dan berdaya

tahan. Menyedari potensi besar golongan muda sebagai pelapis kepimpinan masa hadapan, YB Menteri menyarankan agar fungsi koperasi sekolah diperkasakan dan tidak lagi tertumpu kepada aktiviti jualan runcit semata-mata. Melalui pelaksanaan program ini, para pelajar akan didedahkan kepada pengalaman pembelajaran yang lebih menyeluruh dengan menggabungkan elemen teori, latihan praktikal dan pengurusan perniagaan sebenar sejak di bangku sekolah. Sebagai nilai tambah kepada para pelajar, Sijil Micro-Credential akan dikeluarkan oleh UKKM.

Selain itu, UKKM turut memperluaskan akses kepada pendidikan tinggi menerusi penawaran program *Master of Business Administration* (MBA) secara sepenuh masa dan separuh masa. Program ini ditawarkan melalui kaedah *Open and Distance Learning* (ODL) yang fleksibel, khususnya bagi memenuhi

keperluan golongan profesional dan individu yang sedang bekerja.

Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan aspek kebijakan warga institusi, kualiti penyampaian latihan dan pembangunan ekosistem pembelajaran sentiasa diberi keutamaan. Usaha ini selaras dengan matlamat untuk melahirkan modal insan koperasi yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan bersedia menerajui transformasi ekonomi negara.

Dengan kekuatan sinergi antara kerajaan, agensi pelaksana dan pemain industri, IKMa kekal komited untuk terus memacu agenda pembangunan gerakan koperasi negara ke tahap yang lebih cemerlang, sekali gus memperkukuh peranan koperasi sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat demi masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan.



Ucapan YB Menteri Encik Steven Sim Chee Keong.



JELAJAH PLATINUM PERKASA KOMUNITI KOPERASI SARAWAK

Hamidah Mohd Nadzir
Mohamad Suandi Mortadza
Nur Fatin Shazwani Ahmad
Sharon Dominic
sarawak@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak

Izzah Atirah Norman
cawmiri@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak
(Cawangan Miri)



Penyerahan sijil penghargaan komitmen koperasi.



Sesi forum santai bersama koperasi bimbingan dikendalikan oleh Encik Frank Me-ol Abdullah.



Antara reruai jualan usahawan.



Puan Hjh. Siti Maimunah Hj. Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak memberi taklimat berkaitan dengan program IKMa.



Ucapan perasmian daripada YB Datuk Willie anak Mongin.

Bersempena Sambutan Jubli Platinum 70 Tahun Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Program JOM@COOP Turun Padang Memasyarakatkan Koperasi 2026 telah dilaksanakan di beberapa lokasi utama di Sarawak iaitu Sib, Miri, Serian, Bintulu, Kuching dan Sri Aman. Program ini merupakan antara inisiatif utama IKMa dalam usaha memasyarakatkan koperasi serta meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap peranan, fungsi dan perkhidmatan IKMa di samping memperkukuh pembangunan modal insan koperasi.

Jelajah program di Sarawak bermula di Hotel Kingwood, Sib, pada 12 Februari 2026 yang mencatatkan penyertaan seramai 207 peserta. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Basari Sarkun, Lembaga Pengarah



Barisan tetamu kehormat dan para peserta program Jom@Coop Miri merakamkan gambar kenangan sebagai simbolik sokongan terhadap penganjuran program.



YB Tuan Haji Azlan Yusof menyampaikan Anugerah Koperasi Berdaya Ilmu 2025 dan Anugerah Anggota Koperasi Berdaya Ilmu 2025 kepada penerima anugerah.



Penyampaian sijil kepada wakil peserta oleh YB Datuk Willie anak Mongin.

IKMa. Antara pengisian utama ialah sesi Taklimat Program IKMa Zon Sarawak 2026 yang disampaikan oleh Encik Mohamad Suandi Mortadza, Pensyarah Kanan IKMa Zon Sarawak, selain Forum Santai IKMa dan tayangan video Evolusi IKMa Sepanjang 70 Tahun. Program turut diserikan dengan pameran

agensi KUSKOP, pameran koperasi dan jualan produk usahawan.

Seterusnya, program diteruskan di Eastwood Valley Golf and Country Club Resort, Miri pada 3 Mac 2026 dengan kehadiran 172 peserta terdiri daripada koperator, ketua masyarakat, wakil agensi kerajaan dan usahawan setempat. Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Azli Yusof, Lembaga Pengarah IKMa merangkap Ahli Parlimen Shah Alam (P108). Antara pengisian utama ialah sesi Taklimat Pencapaian Program Pembangunan Modal Insan Koperasi IKMa 2025 dan Fokus Latihan IKMa Zon Sarawak 2026 oleh Puan Syarifah Rohaya Haji Wan Idris, Pengarah IKMa Cawangan Miri. Program turut menampilkan Forum Santai Pengalaman Koperasi Bimbingan IKMa yang dikendalikan oleh Encik Frank Me-ol Abdullah, bersama Encik Charles Kumin dan Tuan

Haji Munil Yaman, selain ceramah Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Haji Wahabi Haji Isenan.

Jelajah seterusnya berlangsung di Hotel Roxy, Serian pada 31 Mac 2026 dengan penyertaan seramai 222 peserta. Program ini menerima kehadiran anggota koperasi, ketua kaum, ketua masyarakat dan usahawan sekitar Serian dan Padawan. Puan Sharon Dominic, Pegawai Latihan IKMa Zon Sarawak telah menyampaikan sesi Taklimat IKMa, manakala Forum Santai Pengalaman Koperasi Bimbingan IKMa menampilkan Encik Charles anak Kumin dan Encik Roslan Dael. Program telah disempurnakan oleh YB Datuk Willie anak Mongin, Lembaga Pengarah IKMa merangkap Ahli Parlimen Puncak Borneo (P198).

Pada 9 April 2026, Program JOM@COOP diteruskan di Hotel Kemena Plaza, Bintulu dengan penyertaan



Upacara perasmian program telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr Ripin Lamat, Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak.



Sesi Forum Santai dikendalikan oleh Encik Mohd Suandi Hj Mortadza, Pegawai Latihan Kanan IKMa Zon Sarawak.



Puan Noor Zeeta Mohd Ramli, Pegawai Latihan Kanan, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa menyampaikan ucapan perasmian.



Penyampaian sijil penyertaan kepada wakil peserta.

134 peserta yang terdiri daripada ketua masyarakat, anggota koperasi, wakil agensi kerajaan dan usahawan tempatan. Sesi Taklimat Pencapaian Program Pembangunan Modal Insan Koperasi IKMa 2025 dan Fokus Latihan IKMa Zon Sarawak 2026 sekali lagi disampaikan oleh Puan Syarifah Rohaya Haji Wan Idris. Program turut menampilkan Forum Santai Pengalaman Koperasi Bimbingan IKMa yang dikendalikan oleh Encik Mohamad Suandi Mortadza bersama Encik Yusoff Karta dan Encik Roslan Dael. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr Ripin Lamat, Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak.

Program kemudiannya berlangsung di Borneo Convention Centre Kuching pada 13 April 2026 dengan penyertaan seramai 200 peserta terdiri daripada koperator dan usahawan. Program ini telah dirasmikan oleh Puan Noor Zeeta Mohd Ramli, Pegawai Latihan Kanan, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa. Antara pengisian utama ialah sesi perkongsian pengurusan koperasi dan peluang keusahawanan bersama Encik Charles Kumin dan Encik Roslan Dael, selain sesi khas bertajuk “Dari Scroll ke Sale: Kuasa TikTok dalam Perniagaan” yang disampaikan oleh Dr. Asmaul Husna. Program ini turut melibatkan 25 usahawan dan lapar agensi dalam segmen pameran dan jualan.

Jelajah Program JOM@COOP di Sarawak berakhir di Hotel Sri Simanggang, Sri Aman pada 16 April 2026 dengan penyertaan 176 peserta yang terdiri daripada ALK, kakitangan pengurusan, anggota koperasi serta wakil agensi kerajaan dan komuniti setempat. Puan Nur Fatin Shazwani Ahmad telah menyampaikan sesi Taklimat Pencapaian Program Pembangunan Modal Insan Koperasi IKMa 2025 dan Fokus 2026, selain mengendalikan Forum Santai “Perkongsian Pengalaman Koperasi Bimbingan IKMa” yang menampilkan Encik Charles Kumin dan Encik Roslan Dael sebagai panel jemputan. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Doris Sophia anak Brodi, Ahli Parlimen Sri Aman (P202).

Secara keseluruhannya, Program JOM@COOP Turun Padang Memasyarakatkan Koperasi Jelajah Platinum IKMa 70 Tahun di Sarawak berjaya menarik penyertaan seramai 1,111 peserta secara keseluruhan. Sambutan yang menggalakkan ini membuktikan komitmen masyarakat dan komuniti koperasi dalam meningkatkan ilmu, memperluas jaringan kerjasama serta memperkukuh peranan koperasi sebagai pemacu pembangunan ekonomi yang lebih inklusif, mampan dan berdaya tahan. Program ini juga menjadi platform penting dalam memperkasakan koperasi agar terus relevan dengan perubahan dan cabaran ekonomi semasa.



PEMERKASAAN GERAKAN KOPERASI ZON UTARA

Nur Syamimi Othman
nursyamimi@ikma.edu.my
IKMa Zon Utara

YBhg. Datuk Baharom Embi menandatangani buku lawatan sebagai perasmii program Institut Koperasi Malaysia Zon Utara.

Pada 26 Jan 2026, Program Promosi Turun Padang JOM@COOP 2026 anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara telah berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang di Hotel Seri Malaysia Kangar, Perlis dengan penglibatan seramai 160 peserta daripada 36 buah koperasi. Program yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari itu bertujuan memperkukuh kefahaman pemimpin, anggota

koperasi serta masyarakat terhadap peranan koperasi sebagai wahana pembangunan sosioekonomi negara, di samping mempromosikan peluang latihan dan pendidikan koperasi sepanjang tahun 2026.

Pengisian program dimulakan dengan Taklimat IKMa 70 Tahun yang disampaikan oleh Puan Hajah Yusnita Othman, Pengarah IKMa Zon Utara. Taklimat tersebut

menerangkan peranan IKMa sebagai institusi utama negara dalam melahirkan modal insan koperasi berkualiti serta memperkukuh gerakan koperasi melalui pendekatan yang inovatif dan strategik. Seterusnya diteruskan dengan sesi perkongsian kejayaan oleh Koperasi AUFI Pulau Pinang Berhad yang mengetengahkan pembangunan ekosistem ekonomi inklusif berasaskan inovasi sosial, khususnya dalam



Sesi Taklimat Program Latihan & Bimbingan IKMa 2026 kepada para peserta oleh Encik Hamzah Kasim.



Pembentangan interaktif video Taklimat IKMa 70 Tahun oleh Puan Hjh. Yusnita Othman kepada peserta program.

usaha memperkasa golongan B40, belia kurang bernasib baik serta komuniti rentan melalui pendekatan perniagaan koperasi yang mampan.

Taklimat Program Latihan dan Bimbingan IKMa 2026 telah disampaikan oleh Encik Mohd Hamzah Kasim, Timbalan Pengarah IKMa Zon Utara, yang memfokuskan kepada peluang program latihan, kursus serta kaedah permohonan bagi warga koperasi, khususnya

di Zon Utara. Majlis kemudiannya disempurnakan dengan Majlis Perasmian Penutupan oleh YBhg. Datuk Baharom Embi, Anggota Lembaga Pengarah IKMa. Selain pengisian utama, program ini turut menyediakan ruang reruai pameran dan jualan kepada koperasi serta agensi bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan masing-masing, sekali gus menggalakkan jaringan kerjasama dan peluang perniagaan dalam kalangan peserta.

Maklum balas peserta menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi dengan majoriti menyifatkan program ini sangat bermanfaat, berjalan lancar serta memberi pencerahan yang jelas terhadap hala tuju pembangunan koperasi. Secara keseluruhannya, penganjuran Program JOM@COOP 2026 di Kangar, Perlis ini berjaya mencapai objektifnya sebagai platform perkongsian ilmu, pengukuhan jaringan serta pemangkin kepada pemeraksanaan gerakan koperasi di peringkat zon utara.



Gambar kenangan bersama peserta Program JOM@COOP 2026.



BICARA ILMU PEMATUHAN SYARIAH DALAM KOPERASI

YB Dato' Salbiah Mohamed merasmikan Program JOM@COOP 2026.

Nor Fatimah Yahya
 norfatimah@ikma.edu.my
 IKMa Zon Tengah (Cawangan Ipoh)

Program Promosi Turun Padang berskala nasional (JOM@COOP 2026) telah diadakan pada 27 Januari 2026 bertempat di Impiana Hotel, Ipoh, Perak anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah (Cawangan Ipoh) dan Pusat Kewangan dan Akaun. Program JOM@COOP 2026 - Siri Platinum ini merupakan salah satu daripada program IKMa yang dijalankan pada tahun ini bersempena Sambutan 70 Tahun Jubli Platinum IKMa yang akan dilaksanakan di 40 lokasi di seluruh negara. Program ini menyasarkan capaian sekurang-

kurangnya 3,000 komuniti koperasi secara langsung.

Program pada kali ini mendapat sambutan hebat daripada koperasi, koperator dan usahawan di seluruh negeri Perak dengan kehadiran seramai 220 orang peserta melebihi sasaran yang ditetapkan. Penganjuran program JOM@COOP merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dijalankan oleh IKMa bagi memasyarakatkan koperasi serta meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman komuniti koperasi dan masyarakat

terhadap peranan, fungsi serta perkhidmatan IKMa.

Program dimulai dengan sesi taklimat IKMa 70 tahun daripada Puan Hajah Salwana Ali, Pengarah IKMa Zon Tengah (Cawangan Ipoh). Seterusnya perkongsian daripada wakil koperasi yang berjaya mengikuti program IKMa iaitu Koperasi Siswa Universiti Sains Islam Malaysia Berhad dan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad. Selain itu, taklimat penerangan mengenai program IKMa juga turut disampaikan oleh

YBhg. Puan Sri Datin Seri Noraesyah Saari, Pengarah Kanan, Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan. Program ini juga diserikan dengan program bicara ilmu yang bertajuk Usaha dan Pendekatan Pematuhan Syariah dalam Koperasi yang telah disampaikan oleh tiga panel jemputan iaitu Puan Raimi Azyan Roslan, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Syariah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Encik Mohd Rofaizal Ibrahim, Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan Prof. Dr. Amir Shaharuddin, Pengerusi Jawatankuasa Syariah, Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia

Berhad mengenai Perundangan, Isu dan Cabaran dalam Tadbir Urus Kewangan Syariah Koperasi.

Perasmian program telah disempurnakan oleh YB Dato' Salbiah Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Beliau menyeru semua pemimpin koperasi di seluruh negeri Perak khususnya anggota lembaga koperasi agar sentiasa menuntut ilmu dan membuat perubahan yang selari dengan keperluan semasa. Hal ini termasuk mencari inisiatif baharu dan mengubah

Program pada kali ini mendapat sambutan hebat daripada koperasi, koperator dan usahawan di seluruh negeri Perak dengan kehadiran seramai 220 orang peserta melebihi sasaran yang ditetapkan.



Antara peserta yang hadir bersama barisan tetamu kehormat.



Wakil daripada koperasi yang menerima sijil.

strategi perniagaan yang sesuai dan berkesan bagi mengurangkan risiko serta memastikan koperasi kekal berdaya saing dalam ekonomi yang tidak menentu pada masa kini. Beliau turut menyampaikan sijil kepada koperasi yang berjaya mengikuti program IKMa iaitu Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB), Koperasi Wanita Unggul Bandar Ipoh Berhad, Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad dan Koperasi Siswa Universiti Sains Islam Malaysia Berhad.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada gerakan koperasi. Program ini dapat membantu koperasi untuk mengaplikasikan keperluan syariah dalam tadbir urus koperasi agar dapat mengukuhkan integriti, mengurangkan risiko salah tadbir dan meningkatkan keyakinan terhadap pihak berkepentingan.



Rakaman lensa sepanjang program JOM@COOP yang menghimpunkan para peserta pada kali ini.

JOM@COOP STESEN KUALA LUMPUR SATUKAN KOMUNITI KOPERASI

Nur Shuhada Hj. Mohd Ali
 nurshuhada@ikma.edu.my
 IKMa Zon Tengah

Program Promosi Turun Padang ke Arah Memperkasa Koperasi 2026 (JOM@COOP) Stesen Kuala Lumpur telah diadakan pada 23 April 2026 di Hotel Premiera Kuala Lumpur. Stesen ini merupakan destinasi kedua bagi Program JOM@COOP, anjuran Institut Koperasi Malaysia

(IKMa) Zon Tengah. Kehadiran seramai 157 orang peserta dalam kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya. Turut hadir ialah kakitangan jabatan dan agensi kerajaan di sekitar Kuala Lumpur.

Program JOM@COOP ini dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman komuniti koperasi serta

anggotanya dalam membangunkan ekonomi komuniti setempat, sekali gus memberi impak positif kepada pembangunan negara. Selain itu program ini dapat mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi kepada masyarakat serta menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan KUSKOP, IKMa dan agensi kepada gerakan koperasi dan secara umumnya masyarakat.



Antara penceramah program JOM@COOP yang menjayakan sesi perkongsian ilmu dan pengalaman menerusi pembentangan yang informatif serta berimpak kepada para peserta program.



Barisan perasmi dan tetamu jemputan khas yang bersama-sama memeriahkan program JOM@COOP.

Program ini melibatkan lima sesi taklimat, taklimat pertama berkenaan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) 70 Tahun yang disampaikan oleh Puan Rohalinda Ahad, Timbalan Pengarah IKMa Zon Tengah dan sesi kedua disampaikan oleh Puan Noranita Mohd Nor, Pengarah IKMa Zon Tengah berkenaan Program Latihan dan Bimbingan IKMa 2026 dan sesi ketiga berkenaan taklimat bersama Universiti Keusahawanan Koperasi

Malaysia (UKKM) disampaikan oleh Encik Mohamad Fadzil Abdul Muis, Pengurus Pemasaran UKKM.

Dalam program ini juga diselitkan Perkongsian Kisah Kejayaan Koperasi dan Peluang Perniagaan oleh Encik Mohd Ariff Baharudin, Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Pengguna Digital Nasional Berhad (DIGICOP) dan Encik Ahmad Husaini Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Kakitangan

PETRONAS Berhad (KOPETRO) selaku penceramah jemputan.

Majlis perasmian Program JOM@COOP 2026 telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa. Secara keseluruhannya, program ini mendapat kerjasama dan maklum balas yang positif daripada agensi dan semua peserta yang terlibat khususnya koperasi di Kuala Lumpur dan sekitarnya.



Sesi pembentangan oleh Encik Ahmad Husaini Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad (KOPETRO) yang mengetengahkan pelbagai pandangan, pengalaman serta input bermanfaat dalam memperkasa pembangunan gerakan koperasi.

Program JOM@COOP ini dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman komuniti koperasi serta anggotanya dalam membangunkan ekonomi komuniti setempat, sekali gus memberi impak positif kepada pembangunan negara.

”

PERKONGSIAN SANTAI TRANSFORMASI DIGITAL KOPERASI

Rohalinda Ahad

rohalinda@ikma.edu.my
 IKMa Zon Tengah



Encik Sazali bersama kakitangan KOF dalam sesi penerangan Transformasi Pendigitalan Koperasi.



Program JOM@COOP 2026 anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah telah diteruskan dengan pengumuman stesen ketiga daripada empat siri program yang dirancang bagi tahun 2026. Program telah berlangsung pada 21 Mei 2026 bertempat di World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur ini merupakan edisi khas bertemakan Sembang Santai: “Transformasi Digital Koperasi” yang diadakan sempena Majlis Pemasyhuran Canselor & Konvokesyen Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) kali ke-2.

Seramai 125 orang tetamu jemputan yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan pengurusan serta anggota koperasi di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan serta kawasan sekitarnya. Program ini turut disertai oleh pegawai daripada jabatan dan agensi kerajaan. Sesi sembang santai bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 9.45 pagi. Pengisian utama program dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah undangan, iaitu Encik Sazali Shahid, Pengerusi Koperasi One Fintech Berhad (KOF), yang berkongsi pandangan dan pengalaman berkaitan



Sesi sembang santai bersama Encik Sazali Shahid, Pengerusi Koperasi One Fintech Berhad (KOF).

pelaksanaan transformasi digital dalam pengurusan koperasi. Melalui sesi tersebut, para peserta didedahkan kepada kepentingan transformasi digital dalam memperkukuh pengurusan dan tadbir urus koperasi. Penekanan turut diberikan kepada aspek pematuhan terhadap Akta Koperasi 1993 (Akta 502), kehendak Garis Panduan (GP) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), pelaporan rasmi dan pengurusan sistem yang lebih cekap dan sistematik.

Selain itu, penceramah juga menekankan bahawa penggunaan sistem digital mampu memudahkan proses pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan aktiviti koperasi. Penceramah turut menghuraikan implikasi ketidakpatuhan koperasi terhadap garis panduan SKM, termasuk risiko teguran rasmi, penalti kewangan, arahan audit khas, sekatan terhadap operasi tertentu serta kemungkinan menjejaskan keyakinan anggota terhadap koperasi. Keistimewaan

program kali ini terserlah apabila diadakan bersempena Majlis Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) kali ke-2. Penganjuran ini bukan sahaja memberikan nilai tambah kepada program, malah membuka peluang kepada para peserta untuk menyaksikan sendiri kemeriahan majlis konvokesyen yang berlangsung dalam suasana penuh gemilang dan berprestij. Pengalaman ini secara tidak langsung memperkukuhkan hubungan peserta dengan ekosistem pembangunan koperasi negara.

Penglibatan aktif peserta sepanjang sesi sembang santai ini membuktikan peningkatan kesedaran serta minat terhadap usaha transformasi digital dalam sektor koperasi. Maklum balas daripada peserta menunjukkan penghargaan terhadap kelancaran pelaksanaan program, termasuk aspek pengurusan yang teratur, susunan atur cara yang sistematik



Peserta ceria bersama penceramah undangan.

serta perjalanan sesi yang santai namun berinformasi dan lancar dari awal hingga akhir. Perkara ini secara tidak langsung mencerminkan komitmen urus setia dalam memastikan kelancaran keseluruhan program. Malah ramai peserta menyatakan hasrat agar program seumpama ini diteruskan pada masa hadapan bagi membantu koperasi meningkatkan keupayaan pengurusan dan tadbir urus melalui pengaplikasian teknologi digital.



Sesi bergambar bersama semua peserta yang hadir.



Urus setia Zon Tengah bersama penceramah undangan.



Ucapan perasmian penutup oleh YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam, EXCO Kerajaan Negeri Sembilan.



Sesi taklimat program IKMa 2026 & IKMa 70 tahun oleh Dr. Mohamad Haswardi Morshidi, Pengarah Pusat Penyelidikan.

LATIHAN DAN PENDIDIKAN KOPERASI DIPERKASA DI SENAWANG

Nur Anizah Aziz
anizah@ikma.edu.my
Pusat Penyelidikan

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melalui Pusat Penyelidikan dan Pusat Antarabangsa telah menjalankan Program JOM@COOP yang diadakan pada 14 April 2026 bertempat di Casa Lagenda Convention Centre, Senawang, Negeri Sembilan. Program promosi turun padang memasyarakatkan koperasi ini merupakan salah satu aktiviti tahunan IKMa bagi meningkatkan kefahaman komuniti koperasi dalam membangunkan ekonomi setempat dan seterusnya memberi impak kepada negara. Selain itu, program ini dapat mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi serta menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh KUSKOP, IKMa dan agensi berkaitan kepada anggota dan masyarakat.

Seramai 155 orang peserta yang terdiri daripada anggota koperasi daripada seluruh Negeri Sembilan, kakitangan IKMa, kakitangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Sembilan



Sesi forum yang bertajuk Anjakan Strategik Koperasi: Dari Zon Selesa ke Daya Saing.



Sesi ceramah motivasi bertajuk Amanah Dijaga Koperasi Sejahtera.



Sebahagian peserta bergambar kenangan bersama tetamu jemputan.

dan ANGKASA Negeri Sembilan turut hadir memeriahkan program. Program ini juga turut dimeriahkan dengan penglibatan beberapa reruai jualan koperasi dan agensi yang mempamerkan produk serta perkhidmatan masing-masing.

Program ini dirasmikan oleh YB Tuan Veerapan A/L Superaniam, EXCO Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan, Negeri Sembilan.

Program JOM@COOP pada kali ini merangkumi tiga sesi utama iaitu sesi

taklimat program latihan IKMa 2026 & IKMa 70 Tahun, disampaikan oleh Dr. Mohamad Haswardi Morshidi, Pengarah Pusat Penyelidikan IKMa. Manakala sesi kedua iaitu forum yang bertajuk Anjakan Strategik Koperasi: Dari Zon Selesa ke Daya Saing menampilkan seramai tiga orang panel jemputan, Encik Radiatul Fitri Dollah, Pengarah SKM Cawangan Negeri Sembilan, Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa dan Tuan Haji Mohd Marzuki Yasoq, Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Khidmat Muamalat Berhad. Forum tersebut telah dikendalikan oleh Dr. Zurita Mohd Saleh, Pengarah

Pusat Antarabangsa IKMa selaku moderator forum. Seterusnya sesi ketiga iaitu ceramah motivasi bertajuk Amanah Dijaga, Koperasi Sejahtera telah disampaikan oleh Tuan Haji Norazman Amat, Pengarah Jabatan Wakaf dan MAL, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

Secara keseluruhannya, program JOM@COOP 2026 edisi Senawang, Negeri Sembilan ini telah berjaya mencapai objektif sebagai platform untuk menyampaikan maklumat, berkongsi pengalaman koperasi bersama IKMa dan mengukuhkan jaringan kerjasama antara koperasi dan juga agensi.

Melalui pengisian program, para koperator dapat mengetahui dengan lebih lanjut peranan dan peluang yang ditawarkan oleh IKMa. Mereka juga turut memperoleh inspirasi daripada perkongsian pengalaman koperasi lain. Kehadiran para koperator ke program ini menunjukkan bahawa mereka sangat menitikberatkan pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi.



Reruai jualan koperasi dan reruai agensi.



YB Dato' Amizar dan YB Datuk Onn bergambar bersama kakitangan IKMa.

KEMERIAHAN PROGRAM JOM@COOP ZON TIMUR

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
 maryam.hamidah@ikma.edu.my
 IKMa Zon Timur



JOM@COOP Edisi Kuala Terengganu dengan kehadiran yang begitu memberangsangkan daripada koperator di sekitar Kuala Terengganu.



Jaringan Strategik IKMa, SKM dan Angkasa di JOM@COOP Edisi Temerloh.

Program Turun Padang Memasyarakatkan Koperasi (JOM@COOP) 2026 telah diadakan di empat lokasi di Zon Timur bersempena Jelajah Platinum IKMa 70 Tahun. Edisi pertama bermula pada 3 Februari 2026 di Hotel Seri Manja, Kuantan dengan kehadiran hampir 180 koperator. Seterusnya edisi kedua telah diadakan Hotel H-Elite, Kota Bharu pada 5 Februari 2026 dan telah dikendalikan oleh Pusat Perundingan Koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya. Manakala JOM@COOP edisi ketiga anjuran IKMa Zon Timur telah diadakan pada 10 Februari 2026 bertempat di Dewan Grand Astana 2 di Temerloh dengan sambutan yang sangat

menggalakkan daripada koperator di sekitar daerah Temerloh, Bera dan Jerantut. Bagi siri jelajah yang terakhir telah berlangsung di Hotel Raia, Kuala Terengganu pada 12 Februari 2026 dan dilaksanakan oleh IKMa Zon Timur, Cawangan Kuala Terengganu. Kebanyakan peserta yang hadir terdiri dalam kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di kawasan sekitar Kuala Terengganu.

Program JOM@COOP yang diadakan pada setiap awal tahun bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kefahaman peserta yang hadir tentang gerakan koperasi

dan peranan IKMa dalam membangunkan modal insan gerakan koperasi di Malaysia. Dalam program ini, telah diadakan satu sesi taklimat IKMa untuk hebahan kursus-kursus dan program-program bersasar IKMa secara keseluruhannya.

Majlis perasmian program JOM@COOP 2026 edisi Kuantan telah disempurnakan oleh YB Dato' Amizar Abu Adam, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang. Turut hadir juga di setiap lokasi ialah Puan Haslinda Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur serta Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

PENYATUAN AGENSI PERKASA KOMUNITI KOPERASI SABAH

Jaibit Jaudin
Shamsiah Syamsudin
Norawati Ngatmin
Ridzuan Hj. Saudi
IKMa Zon Sabah
Sabah@ikma.edu.my



Sesi ceramah oleh Coach Zainuddin Jurulatih NLP.



Pengarah IKMa Zon Sabah Encik Mohd Razalie dalam sesi bersama IKMa.



Dr. Rainal Pengerusi KOPAKA menerima cenderahati sebagai panel penceramah jemputan IKMa Sabah.

Program JOM@COOP merupakan sebuah inisiatif “turun padang” anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang bermatlamat untuk memasyarakatkan koperasi, meningkatkan kefahaman komuniti serta ahli dalam membangunkan ekonomi setempat, dan mempromosikan kelebihan berkoperasi kepada orang awam. Pada tahun 2026, program ini menyasarkan pelaksanaan di 40 lokasi di seluruh Malaysia dengan sasaran 4,000 orang peserta. Di zon Sabah, empat buah lokasi berskala

besar dan kecil telah melabuhkan tirainya dengan penuh jayanya pada separuh tahun pertama, membawa tema, inti pati, dan kumpulan sasaran yang pelbagai namun memfokuskan kepada matlamat yang satu iaitu memacu pembangunan dan daya saing ekonomi koperasi.

Berikut adalah rumusan eksklusif gabungan keempat-empat penganjuran program Jom@Coop 2026 yang dilaksanakan di sekitar wilayah Sabah:

1. Memimpin Dengan Minda: Aplikasi NLP Dalam Koperasi (Kota Kinabalu)

- **Tarikh:** 29 Januari 2026 (Khamis)
- **Lokasi:** Hotel 7 Suria, Kota Kinabalu
- **Kehadiran:** 169 orang (134 wakil koperasi, 35 wakil agensi)

Siri jelajah di Kota Kinabalu telah membuka tirai dengan penganjuran skala besar yang memfokuskan kepada pembinaan keupayaan modal



Encik Mohd Zaib bersama rakan strategik IKMa Zon Sabah.



Gambar kenangan bersama peserta JOM@COOP Sandakan.

insan dari sudut psikologi dan kepimpinan. Melalui slot wacana ilmu “Memimpin Dengan Minda: Aplikasi NLP Dalam Koperasi”, peserta telah didedahkan dengan kaedah *Neuro-Linguistic Programming* (NLP) bagi mengurus minda bawah sedar dan mengawal emosi dalam tadbir urus sesebuah koperasi. Perkara utama yang ditekankan adalah keperluan membina minda baharu yang positif menerusi tujuh pendekatan utama: sentiasa bersyukur, ikhlas, sabar, berdoa, tawakal, konsisten (istiqamah), serta keupayaan membuat visualisasi terhadap matlamat.

Program ini memberikan suntikan kesedaran yang signifikan buat para anggota koperasi untuk terus fokus memajukan perniagaan meskipun berdepan pelbagai cabaran dan perubahan situasi ekonomi.

2. Peluang Perniagaan dan Transformasi Sektor Sawit (Sandakan)

- **Tarikh:** 10 Februari 2026 (Selasa)
- **Lokasi:** Hotel Livingston, Sandakan
- **Kehadiran:** 157 orang (145 wakil koperasi, 12 wakil agensi)

Siri di Sandakan pula membawa dimensi yang

berbeza dengan memfokuskan kepada potensi perniagaan industri komoditi. Dianjurkan bagi membincangkan “Transformasi Sektor Sawit 2026”, peserta disajikan dengan taklimat peluang perniagaan untuk koperasi dan pekebun kecil hasil perkongsian daripada wakil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Selain menyebarkan kalendar perancangan latihan IKMa bagi



Encik Mohd Zaib menyampaikan cenderahati kepada perasmi.



Antara pempamer yang hadir di JOM@COOP Sandakan.



Reruai pameran Koperasi Usahawan Jahitan Sulaman Tradisional Tenom Berhad, JOM@COOP Keningau.



Sesi dialog bersama Tuan Hj. Awg Ruslli, Pengarah SKM Negeri Sabah dan Tuan Anthony, Pengurus ANGKASA Negeri Sabah.



Gambar bersama peserta JOM@COOP Keningau.

tahun 2026, program ini turut memanfaatkan komuniti dengan kisah kejayaan dan perkongsian pengalaman daripada Koperasi Kurnia Semporna Berhad selaku koperasi bimbingan IKMa. Ia juga membuka peluang kepada sesi dialog awam untuk membincangkan isu hangat dalam industri, seperti penyelesaian isu ketiadaan bekalan minyak masak subsidi dan tata cara penguatkuasaan timbangan kelapa sawit.

3. Membina Ekonomi Desa Melalui Komuniti Koperasi (Keningau)

- **Tarikh:** 9 April 2026
- **Lokasi:** Tamu Desa Kg. Merampong, Keningau
- **Kehadiran:** 80 orang (peserta dari Keningau, Tenom dan Tambunan)

Bergerak lebih dekat kepada akar umbi masyarakat pedalaman, JOM@COOP Keningau berskala kecil telah memfokuskan kepada agenda “Bersama Membina Ekonomi Komuniti Koperasi”. Matlamat utama pengajuran ini adalah untuk memberi inspirasi kepada gerakan koperasi luar bandar. Titik tumpuannya adalah pada pembentangan amalan terbaik oleh Pengerusi Koperasi Kraf Batu Lunguan Sook Berhad yang berkongsi liku-liku kejayaan mereka dalam memperkasakan sosioekonomi penduduk desa melalui aktiviti komersial barangan kraf tangan tradisional. Dialog awam secara

langsung bersama pemimpin tertinggi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Sabah dan pengurus ANGKASA turut memberi perspektif baharu ke arah usaha meluaskan jaringan strategik serta memupuk daya saing agar koperasi desa terus mampan.

4. Penyatuan Strategik IKMa Bersama Agensi KUSKOP & Media

- **Tarikh:** 18 April 2026 (Sabtu)
- **Lokasi:** Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu
- **Kehadiran:** 110 orang (wakil media, agensi KUSKOP, anggota koperasi, dan individu)

Bagi melengkapkan rantaian sokongan gerakan ini, satu pengajuran bersepadu telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Mohamad Bin Alamin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) di SICC. Membawa objektif utama iaitu menjalinkan hubungan strategik antara IKMa, pelbagai agensi di bawah payung KUSKOP, dan rakan media massa, inisiatif ini sangat signifikan sebagai medium untuk menguar-uarkan inisiatif kerajaan secara holistik kepada masyarakat. Dalam program ini, tumpuan diberikan kepada pendedahan potensi melanjutkan pengajian dari peringkat diploma sehingga



YB Timbalan Menteri menurunkan pandangan digital di Smart Pad IKMa.



YB Timbalan Menteri dalam sesi temu bual bersama pihak media.

ke peringkat Doktor Falsafah di Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), yang turut memberi kemudahan pembiayaan tajaan. Bagi menyuntik semangat warga usahawan koperasi secara praktikal, Koperasi Sosodikon Ranau Berhad dijemput untuk membentangkan model kejayaan perniagaan berasaskan sektor pelancongan yang bergantung kukuh kepada keupayaan media sosial dan kecekapan tadbir urus telus.

Pelaksanaan empat siri Program Jom@Coop pada tahun 2026 di Sabah dari bilik persidangan hotel di ibu negeri sehinggalah ke balai tamu desa, membuktikan bahawa IKMa kekal komited memanfaatkan kaedah bersemuka untuk menyampaikan ilmunya secara langsung. Dengan penglibatan merentas lebih daripada 500 orang anggota koperasi, warga pendidik, pegawai

agensi dan masyarakat pelbagai peringkat, inisiatif turun padang yang proaktif ini berupaya memaksimumkan impak kepada negara.

Pengurusan bersepadu yang dicanang oleh KUSKOP bersama agensi serta liputan informatif daripada pihak media perlu dijadikan agenda berterusan demi memacu

kelestarian model koperasi di Malaysia. Keseluruhannya, siri ini bukan sekadar sebuah medan untuk melatih anggota koperasi sedia ada, bahkan ia merupakan wadah terbaik untuk mengajak seluruh ahli masyarakat menjadikan bidang koperasi sebagai tulang belakang dalam meluaskan peluang perniagaan dan mengangkat taraf hidup.



Sesi bergambar kenangan YB Timbalan Menteri bersama peserta Program JOM@COOP.

KECEMERLANGAN DIRAIKAN, KERJASAMA DIPERKUKUH

Nur Syazwani Zainul Abidin

nursyazwani@ikma.edu.my

Pusat Pendidikan Tinggi



Ketibaan YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee ke Majlis Apresiasi 2026.



YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bergambar bersama peserta Program SPEL.



Dr. Tham Poh Seng sebagai wakil peserta Program Sijil Eksekutif memberi ucapan penghargaan dalam Majlis Apresiasi.



YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee, KSU KUSKOP menyampaikan ucapan perasmian di Majlis Apresiasi.

Pada 23 April 2026, bertempat di Hotel Concorde Shah Alam, seramai 86 peserta telah diraikan dalam Majlis Apresiasi Program Sijil Eksekutif 2026 yang berlangsung dengan penuh bermakna dan berprestij.

Majlis ini menghimpunkan para graduan daripada empat program utama iaitu:

19 peserta Sijil Eksekutif
Pengurusan Koperasi (SEPKo)



20 peserta Sijil Eksekutif
Setiausaha Koperasi (SESko)



19 peserta Sijil Eksekutif
Pemasaran Digital (SEPDI)



28 peserta Sijil Eksekutif
Pengurusan Ladang (SPEL)





Penerima Anugerah Peserta terbaik bagi program SEPko ialah Puan Sharifah Nur Afiah Syed Alias dari Koperasi Keluarga Hajah Che Me Melaka Berhad.



Penerima Anugerah Peserta terbaik bagi program SEPDi ialah Encik Muhammad Mueizzuddin Mohd Zainudin dari Koperasi Kakitangan Kumpulan BIMB Holdings Malaysia Berhad.



Penerima Anugerah Tenaga Pengajar terbaik bagi program SESko ialah Cik Norhazilina Abdul Halim dari IKMa Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu).

Kesemua peserta yang diraikan merupakan simbol komitmen, ketekunan dan kesungguhan dalam memperkukuh pengetahuan serta meningkatkan kompetensi bagi menyokong pembangunan dan kecemerlangan sektor koperasi negara.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), sebagai tanda sokongan dan pengiktirafan

terhadap usaha berterusan dalam melahirkan modal insan koperasi yang kompeten, berkualiti dan berdaya saing.

Lebih membanggakan, seramai 13 orang peserta telah menerima Anugerah Peserta Terbaik mengikut program masing-masing, manakala 4 orang pegawai turut menerima Anugerah Tenaga Pengajar Terbaik sebagai pengiktirafan terhadap dedikasi, komitmen dan sumbangan cemerlang mereka dalam membimbing serta membangunkan

potensi peserta sepanjang program berlangsung.

Selain meraikan kejayaan graduan Program Sijil Eksekutif, majlis ini turut menyaksikan satu lagi pencapaian penting melalui sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara pihak berkaitan dengan tiga buah institusi pengajian tinggi terkemuka iaitu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).



Dari kiri: Sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) antara IKMa yang diwakili oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa dengan wakil Institusi Pengajian Tinggi iaitu Prof. Ts. Dr. Norhana (UPNM), Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz (UnisZa) dan Prof. Ts. Dr. Noor Maizura (UMT) yang disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie.



YBhg. Datuk Mohd Ali menyampaikan cenderahati kepada YBhg. Dato' Sri Khairul Dzamee atas kesudian merasmikan Majlis Apresiasi Sijil Eksekutif 2026.



Peserta – peserta Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo) bergambar bersama di Majlis Apresiasi 2026.



Penerima Anugerah Tenaga Pengajar Terbaik 2026.

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PESERTA TERBAIK

SIJIL EKSEKUTIF PENGURUSAN KOPERASI (SEPKo)

1. Sharifah Nur Afiqah Syed Alias
2. Erneyusnita Mustafa
3. Mohd. Khalifah Antony

SIJIL EKSEKUTIF SETIAUSAHA KOPERASI

1. Haizul Fakarudin Mohamed Redzuan
2. Nurul Aqilah Rosli
3. Jamaluddin Mohd Salim
4. Nurul Fazidatul Akma Abd Jalil

SIJIL EKSEKUTIF PEMASARAN DIGITAL (SEPDi)

1. Muhammad Mueizzuddin Mohd Zainudin
2. Mohamed Radzi Abdul Wahab
3. Hazwani Khairudin

SIJIL EKSEKUTIF PENGURUSAN LADANG (SPEL)

1. Zam Bahari Ahmat Rosli
2. Iskandar Shah Ibrahim
3. Jailani Adnan

ANUGERAH TENAGA PENGAJAR TERBAIK

SIJIL EKSEKUTIF PENGURUSAN KOPERASI

1. Nor Arma Abu Talib
2. Siti Hafizah Ramli

SIJIL EKSEKUTIF SETIAUSAHA KOPERASI

1. Norhazilina Abdul Halim
2. Mohamad Suandi Mortadza

Kerjasama strategik ini dijangka dapat memperkukuh pembangunan bakat, memperluas perkongsian kepakaran serta membuka lebih banyak peluang peningkatan kompetensi dalam bidang koperasi dan pengurusan. Di samping itu, inisiatif ini turut memberi fokus kepada pembangunan golongan belia dan mahasiswa sebagai pelapis masa depan yang berpotensi menerajui gerakan koperasi negara dengan melaksanakan program Graduan ke Koperasi (G2K) untuk pelajar tahun akhir universiti.

Majlis Apresiasi Program Sijil Eksekutif 2026 bukan sekadar menandakan berakhirnya satu fasa pembelajaran, malah menjadi titik permulaan kepada peranan yang lebih besar dalam melahirkan pemimpin koperasi yang berwibawa serta membentuk masa depan gerakan koperasi yang mampan, progresif dan berdaya tahan.



Antara tetamu kehormat yang hadir dalam majlis Apresiasi Sijil Eksekutif 2026.

BICARA CEO: MENERAJUI MASA DEPAN KOPERASI: LANGKAH PROFESIONAL, IMPAK LUAR BIASA”

Arfizawati Abd Hadi
arfizawati@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi

Bicara CEO bertemakan “Menerajui Masa Depan Koperasi: Langkah Profesional, Impak Luar Biasa” telah berlangsung pada 23 April 2026 di Concorde Hotel Shah Alam. Program ini memberi tumpuan kepada perkongsian inspirasi kepimpinan, pengalaman profesional dan hala tuju koperasi bagi memperkukuh peranan peserta Program Sijil Eksekutif IKMa sebagai pemimpin serta penggerak organisasi koperasi.

Sesi ini menampilkan Puan Emiliawati Zainol, Pengarah Urusan, Q3 Management Solutions Sdn. Bhd., sebagai penceramah jemputan. Perkongsian beliau menekankan kepentingan profesionalisme, integriti, tadbir urus yang baik dan kepimpinan berimpak dalam memperkukuh organisasi koperasi.



Program Bicara CEO bertemakan “Menerajui Masa Depan Koperasi: Langkah Profesional, Impak Luar Biasa”.

Para graduan Program Sijil Eksekutif IKMa 2025 hadir bagi meraikan pencapaian dan memperkukuh semangat kepimpinan koperasi.

Peserta yang hadir terdiri daripada peserta yang telah berjaya menamatkan Program Sijil Eksekutif IKMa 2025 dalam bidang pengurusan koperasi, setiausaha koperasi, pemasaran digital dan pengurusan ladang. Mereka merangkumi pelbagai peranan seperti Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, Ahli Lembaga Koperasi (ALK), pengurusan serta kakitangan koperasi, di samping mewakili koperasi daripada pelbagai aktiviti

ekonomi dan negeri di seluruh Malaysia.

Pengisian ini diharap dapat menyuntik semangat baharu kepada peserta untuk terus mengaplikasikan ilmu yang diperoleh dalam memperkukuh pengurusan koperasi masing-masing, seiring usaha membangunkan gerakan koperasi yang mampan, profesional dan berdaya saing.



Tuan Amin Idris dan Encik Mohd Zaib Mat Yunus bergambar kenangan bersama warga IKMa Zon Selatan selepas sesi perkongsian ilmu.

Puan Anis Permin bersama kakitangan IKMa Zon Selatan yang turut menjayakan Program CEO Talk Syawal dengan penuh komitmen dan semangat kerjasama.

CEO TALK: KEPIMPINAN DARI MEJA LEMBAGA KE Jiwa ANGGOTA

Siti Nuraini Abu Bakar
nuraini@ikma.edu.my
IKMa Zon Selatan

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan telah menganjurkan program CEO Talk Syawal 2026 bertajuk ‘Dari Meja Lembaga ke Jiwa Anggota’ pada 09 April 2026. Program ini diadakan di Hotel Holiday Inn, Melaka dan telah dihadiri seramai 100 orang peserta dari negeri Melaka merangkumi Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), Pengurus dan kakitangan koperasi, anggota koperasi, serta pegawai agensi atau kerajaan yang memainkan peranan dalam kawal selia gerakan koperasi. Objektif program ini adalah meningkatkan kefahaman mengenai konsep kepimpinan berteraskan anggota dalam pengurusan koperasi dan memperkukuh amalan tadbir urus, integriti serta akauntabiliti dalam kalangan kepimpinan

koperasi. Selain itu, program ini juga menjadi medium perkongsian pengalaman dan amalan terbaik koperasi serta peranan lembaga dalam memperkasakan anggota melalui kepimpinan yang inklusif dan berimpak tinggi dalam memastikan kelestarian dan daya saing koperasi.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Seah Shoo Chin, Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka. Dalam ucapan perasmian, beliau menekankan bahawa kepimpinan dalam sesebuah koperasi bukan sekadar tertumpu kepada pembuatan keputusan di peringkat lembaga, tetapi lebih penting adalah bagaimana setiap keputusan tersebut dapat diterjemahkan kepada tindakan

yang memberi impak dan dirasakan oleh seluruh anggota. Selain itu, seorang pemimpin koperasi yang berkesan perlu mempunyai kejelasan visi, ketegasan dalam pembuatan keputusan, serta keupayaan untuk memahami keperluan dan aspirasi anggota. Jelasnya lagi, kepimpinan yang baik bukan sahaja memacu pertumbuhan organisasi, malah mampu membina kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan anggota. Kepimpinan koperasi harus bergerak “Dari Meja Lembaga ke Jiwa Anggota”, iaitu satu pendekatan yang menekankan nilai empati, keterlibatan dan kebertanggungjawaban terhadap kebajikan anggota. Maka, apabila kepimpinan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, beliau yakin koperasi bukan sahaja mampu



YB Tuan Seah Shoo Chin bersama Encik Mohd Zaib dan Encik Yusri berkesempatan merakamkan gambar kenangan sempena Program CEO Talk Syawal.

berkembang sebagai entiti ekonomi, malah menjadi wadah yang benar-benar memberi manfaat dan kesejahteraan kepada anggotanya.

Turut hadir memeriahkan majlis perasmian ialah Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Encik Yusri Hj. Tarip, Pengarah IKMa Zon Selatan, Encik Muhammad Hafizi Izzudin Ab Karim, Pegawai Seksyen Pembangunan Koperasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Melaka serta Puan Hajah Norhalinda Yunos, Bendahari Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Negeri Melaka.

Program CEO Talk Syawal ini turut menampilkan dua orang penceramah berpengalaman, antaranya Tuan Amin Idris, Master Trainer Akademi Magnet Sukses Sdn Bhd yang juga merupakan penulis buku *Panduan dan Asas untuk Menjadi Pemimpin Berwibawa*. Dalam sesi perkongsian beliau

bertajuk *Kepimpinan Strategik dalam Koperasi*, pelbagai input dan panduan bermanfaat telah dikongsi kepada para peserta berkaitan elemen kepimpinan berteraskan nilai.

Antara perkara yang diketengahkan termasuklah kepimpinan berasaskan empati dan kemaafan, kepimpinan yang mampu membina kepercayaan serta perpaduan dalam organisasi, amalan muhasabah diri sebagai asas memperkukuh organisasi, selain membentuk budaya kerja yang harmoni, profesional dan saling menghormati.

Manakala penceramah kedua pula ialah Puan Anis Permin, Pengasas dan Ketua Eksekutif (CEO) jenama makanan dan minuman popular Haos Ek?. Beliau yang merupakan usahawan wanita yang membangunkan jenama Haos Ek? dengan slogan 'Rasa Berhantu Tak Cukup Satu' ini telah memberikan perkongsian yang bertajuk 'Kepimpinan: Dari Meja Lembaga ke Jiwa Anggota'. Beliau menekankan kepentingan kepimpinan koperasi yang bukan sahaja berfungsi dalam aspek dasar dan pentadbiran di peringkat lembaga, malah turut memahami keperluan, aspirasi dan kebajikan anggota sebagai pemilik utama koperasi.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta serta berjaya mencapai objektifnya. Selain itu, IKMa Zon Selatan berharap agar program ini dapat meningkatkan kefahaman mengenai konsep kepimpinan berteraskan anggota dalam pengurusan koperasi serta peranan lembaga dalam memastikan kelestarian dan daya saing koperasi.



Rakaman kenangan YB Tuan Seah Shoo Chin bersama para peserta yang hadir memeriahkan Program CEO Talk Syawal dalam suasana harmoni dan penuh ukhuwah.



BENGKEL AKREDITASI PENAKSIR EMAS AR-RAHNU

Nazirah Baharudin

nazirah@ikma.edu.my

Pusat Perundingan Koperasi

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju latihan dalam gerakan koperasi melalui penganjuran Bengkel Akreditasi Penaksir Emas Ar-rahnu yang berlangsung pada 4 hingga 5 Februari 2026 di Petaling Jaya. Bengkel selama dua hari ini diadakan dari pukul 9.00 pagi hingga 4.30 petang dan berjaya menarik penyertaan seramai 39 orang peserta yang terdiri daripada 38 anggota koperasi serta seorang peserta bukan anggota koperasi.

Program ini dianjurkan sebagai usaha meningkatkan kompetensi serta profesionalisme penaksir emas dalam kalangan pengendali perkhidmatan Ar-rahnu di koperasi. Bagi menyertai bengkel ini, yuran penyertaan yang dikenakan adalah sebanyak RM300 bagi anggota koperasi dan

RM500 bagi peserta bukan anggota koperasi. Menariknya, bengkel ini menampilkan penceramah jemputan, Encik Abdul Shukor Anuar yang merupakan salah seorang assayer bertauliah di Malaysia. Assayer ialah individu yang mempunyai kepakaran dalam menguji ketulenan emas, memperakui tahap ketulenan serta standard emas yang diuji, dan seterusnya menurunkan tandatangan sebagai pengesahan rasmi terhadap ketulenan dan kualiti emas tersebut. Beliau juga dikenali antara assayer yang menjalankan ujian ketulenan emas bagi syarikat Public Gold.

Sepanjang bengkel ini, para peserta didedahkan dengan ilmu penaksiran emas, kaedah pengujian ketulenan emas serta standard yang digunakan dalam industri Ar-rahnu. Pendedahan ini amat penting bagi

memastikan proses penilaian emas dilaksanakan secara tepat, telus dan mematuhi piawaian industri, khususnya dalam operasi Ar-rahnu yang dijalankan oleh koperasi.

Antara koperasi dan institusi yang menyertai bengkel ini termasuk wakil daripada Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad, Koperasi Al-Bait Sarawak Berhad, Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad serta wakil daripada Bank Muamalat Berhad.

Penganjuran bengkel ini diharap dapat meningkatkan tahap kompetensi dan profesionalisme penaksir emas dalam kalangan koperasi, sekali gus memperkukuhkan pelaksanaan perkhidmatan Ar-rahnu yang lebih berkualiti dan diyakini oleh masyarakat.

BENGKEL IN HOUSE KOPSYA: MEMPERKUKUH PENGURUSAN STRATEGIK DAN OPERASI AR-RAHNU

Nazirah Baharudin
nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi

Penganjuran bengkel ini adalah atas permintaan koperasi bagi memberikan kefahaman menyeluruh berkaitan pengurusan strategik dan pengoperasian perniagaan Ar-Rahnu bagi mengendalikan outlet Ar-Rahnu

Bengkel Akreditasi In House Kopsya.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) terus memperkukuhkan peranannya sebagai peneraju pembangunan modal insan koperasi dengan melebarkan sayap latihan dan pembangunan melalui penganjuran bengkel secara *in-house* bersama Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad (KOPSYA) pada 16 hingga 17 Mei 2026. Seramai 33 orang anggota lembaga dan warga kerja koperasi terlibat dalam bengkel selama dua hari ini yang bertempat di Mardhiyyah Hotel & Suites Shah Alam.

Bengkel yang dilaksanakan ini memberi fokus kepada pemantapan pengurusan strategik koperasi serta pengurusan perniagaan Ar-Rahnu sebagai persediaan koperasi menghadapi perkembangan industri yang semakin kompetitif. Program ini turut menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman kepada peserta dalam memperkukuhkan tadbir urus operasi perniagaan serta kompetensi warga kerja koperasi.



Bengkel Pemantapan Pengurusan Strategik.



Assayer Encik Shukor Anuar menyampaikan topik Akreditasi Penaksir Emas Ar-Rahnu.



Bengkel Audit Terlatih Ar Rahnu.

Sesi pertama telah dikendalikan oleh Encik Shamsul Khairi Abu Hassan dengan topik pemantapan pengurusan strategik koperasi. Seterusnya, sesi kedua Audit Terlatih Ar-Rahnu yang telah disampaikan oleh Encik Anuar Sahrim yang memberi penekanan kepada aspek audit, pematuan dan kawalan operasi Ar-Rahnu. Bengkel diteruskan dengan slot Assayer Encik Shukor Anuar dengan topik Akreditasi Penaksir

Emas Ar-Rahnu bagi meningkatkan kefahaman peserta dalam aspek penilaian emas secara profesional.

Penganjuran bengkel ini adalah atas permintaan koperasi bagi memberikan kefahaman menyeluruh berkaitan pengurusan strategik dan pengoperasian perniagaan Ar-Rahnu bagi mengendalikan outlet Ar-Rahnu pertama yang telah beroperasi sejak November 2025.

Pembukaan Ar-Rahnu outlet pertama KOPSYA hasil daripada bimbingan Pusat Perundingan Koperasi bermula daripada urusan pendaftaran, pemilihan lokasi dan pengoperasian Ar-Rahnu. KOPSYA telah terpilih untuk menyertai Program Mega (Memacu Ekonomi & Gandingan Aset Koperasi) kerana telah memenuhi kriteria pemilihan dan komitmen yang tinggi oleh barisan pengurusan tertinggi KOPSYA yang sentiasa bergerak ke hadapan dalam memastikan kejayaan koperasi serta keutamaan kebajikan kakitangan yang sentiasa diberikan perhatian.

Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan dalam memperkukuhkan peranan Institut Koperasi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan latihan dan pembangunan koperasi negara yang sentiasa komited melahirkan modal insan koperasi berpengetahuan, kompeten serta berdaya saing selaras dengan perkembangan industri koperasi masa kini.



Bengkel Pemantapan Pengurusan Strategik.

KURSUS KANVAS MODEL PERNIAGAAN KOPERASI (BMC)

Dinah Nabilah Mokhtaruddin
dinah@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan

Sesi bergambar peserta bersama-sama dengan tenaga pengajar

Pusat Pengurusan Perniagaan telah menganjurkan Kursus Kanvas Model Perniagaan Koperasi (BMC) pada 10 – 11 Februari 2026, bertempat di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya. Kursus ini bertujuan memberi pemahaman asas model perniagaan kepada koperasi melalui BMC. Ia menerangkan elemen-elemen dalam BMC serta cara mengaplikasikan proses untuk membangunkan kanvas model perniagaan koperasi.

Sepanjang kursus ini berlangsung, peserta diperkenalkan dengan konsep BMC dan kepentingan model perniagaan ini dalam meningkatkan produktiviti

perniagaan koperasi serta perbezaannya dengan Analisis SWOT. Sesi berikutnya menumpukan kepada sembilan elemen BMC dan panduan penyediaannya, khususnya kepada koperasi baharu atau yang belum pernah menggunakan BMC dalam aktiviti perniagaan.

Pada sesi terakhir, para peserta dibahagikan kepada kumpulan untuk menyediakan BMC bagi satu aktiviti perniagaan koperasi dan membentangkannya di dalam kelas. Aktiviti yang dilaksanakan ini memberi gambaran praktikal tentang cara menyediakan BMC dan membentangkan kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pemegang taruh.

Secara keseluruhan, kursus BMC ini berjaya memberikan para peserta pemahaman mendalam tentang konsep dan aplikasi BMC dalam perniagaan koperasi. Melalui teori dan latihan praktikal, para peserta dapat mengenal pasti sembilan elemen utama BMC, perbezaan antara BMC dan Analisis SWOT, serta membangunkan dan membentangkan model perniagaan mereka sendiri. Ia bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan dan kemahiran baharu kepada peserta, tetapi juga menyediakan asas yang kukuh kepada koperasi dalam merancang dan memperkukuh keberkesanan aktiviti perniagaan koperasi secara sistematik.

BICARA ILMU: AMALAN ESG DALAM PERNIAGAAN KOPERASI MAMPAN



Siti Hafizah Ramli
hafizah@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



Ucapan perasmian oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKMa sempena program Bicara Ilmu bertajuk “Amalan ESG Perniagaan Koperasi Mampan”.



Ts. Dr. Norsaidatul Akmar Mazelan, Setiausaha Agung Sustainable Business Network Association Malaysia (SustNET), menyampaikan ceramah bertajuk “Amalan ESG Sinergi Kejayaan Perniagaan Masa Hadapan”.



Sebahagian daripada peserta yang turut menghadiri dan memeriahkan program Bicara Ilmu Amalan ESG Perniagaan Koperasi Mampan.

Program ini telah dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKMa. Seterusnya, program ini melibatkan dua sesi ceramah iaitu sesi Amalan ESG: Sinergi Kejayaan Perniagaan Masa Hadapan yang telah disampaikan oleh Ts. Dr. Norsaidatul Akmar Mazelan, Setiausaha Agung, Sustainable Business Network Association Malaysia (SustNET).

Sesi seterusnya ialah sesi forum yang bertajuk “Amalan ESG Strategi Kelestarian Perniagaan” yang telah disampaikan oleh tiga orang penceramah iaitu panel pertama Dr. Billy Tang Chee Seng, Konsultan SustNET, panel kedua ialah LAr. Ts. Dr Rohaniah Mohd Nor, Konsultan SustNET dan panel ketiga ialah Tuan Abd Sanih Hj. Nasri, Pengerusi Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Bhd.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah mendapat reaksi positif dalam kalangan peserta dan telah mencapai objektifnya. Kursus ini telah membuka minda para peserta tentang kepentingan amalan ESG ke arah kelestarian dan kemampuan perniagaan. Kursus ini akan diteruskan dengan kursus Transformasi Perniagaan: Amalan ESG dalam Koperasi yang akan diadakan kemudian.



Sesi penyampaian cenderamata oleh Pn. Haslinda Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur kepada penceramah jemputan PU Amin.



Kakitangan IKMa Zon Timur bersama YBhg. Datuk Mohd Ali.

BICARA ILMU RAMADAN: MEMIMPIN DENGAN HATI, MENGURUS DENGAN AMANAH

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
maryam.hamidah@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur

Ramadan bukan sekadar bulan ibadah ritual, malah merupakan madrasah tarbiyah bagi membentuk sahsiah dan integriti diri. Sifat amanah dan kepimpinan melalui hati adalah teras utama bagi menjamin kesejahteraan organisasi dan masyarakat.

Justeru, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur telah menganjurkan Program Bicara Ilmu Ramadan dengan tajuk “Memimpin Dengan Hati, Mengurus Dengan Amanah” di

Hotel Swiss-Bel, Kuantan, Pahang pada 9 Mac 2026. Program separuh hari ini bermula pada jam 2.00 petang dan berakhir dengan majlis berbuka puasa sehingga jam 9.00 malam. Sambutan yang diberikan adalah amat menggalakkan serta di luar jangkaan dengan kehadiran seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada kalangan anggota lembaga koperasi, pengurusan dan kakitangan koperasi serta anggota koperasi di negeri Pahang dan Terengganu.

Program dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama bersama Pencetus Ummah (PU) Mohamad Amirul Amin Maula Lokman Hakim atau lebih dikenali sebagai PU Amin. Manakala bagi sesi kedua perkongsian bersama Dr. Mohd Syakir Dato’ Hj. Mohd Taib, Timbalan Pengurus Besar Wakaf Pahang, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Sesi pertama bersama PU Amin dimulakan oleh dengan ceramah bertajuk Amanah dalam Tindakan: Mengurus dengan Integriti,

Menyantuni dengan Kasih. Antara perkongsian dalam sesi beliau adalah berkaitan konsep amanah dalam Islam di mana ia bukan sekadar tanggungjawab besar manusia dalam pekerjaan, tetapi juga tanggungjawab di sisi Allah. Beliau juga berkongsi hadis-hadis berkaitan kepimpinan dan amanah kepada koperator yang hadir.

Sesi kedua program diteruskan dengan ceramah bertajuk Muhasabah Seorang Pemimpin: Beratnya Amanah, Besarnya Tanggungjawab oleh Dr. Mohd Syakir Dato' Hj. Mohd Taib. Beliau berkongsi berkaitan gambaran keseluruhan kepimpinan beramanah dari kedudukan di atas sehingga ke bawah yang terdiri daripada pemimpin negara, ketua jabatan, pengurus organisasi, pemimpin keluarga dan pekerja terhadap tugasnya. Ekosistem sesebuah organisasi haruslah berintegriti supaya tiada pengkhianatan amanah yang berlaku seperti rasuah, penyelewengan dan penindasan orang bawahan.



Penerima sumbangan Ramadan IKMa.

Program berakhir dengan majlis penyerahan Sumbangan Ramadan kepada 3 buah organisasi kebajikan terpilih iaitu rumah penjagaan orang tua dan warga emas, rumah kebajikan anak-anak yatim dan maahad tahfiz di sekitar Kuantan. Majlis penyerahan sumbangan dan perasmian penutup bicara ilmu Ramadan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah, Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

Secara keseluruhannya, program ini mencapai objektif yang disasarkan. Pemimpin koperasi yang hadir dapat mengetahui bagaimana menguruskan koperasi mengikut sudut pandang dan cara kepimpinan Islam dan seterusnya membentuk kepimpinan berkualiti. Diharap IKMa Zon Timur dapat menganjurkan program-program seumpama ini lagi di masa akan datang.



Peserta Bicara Ilmu Ramadan bergambar bersama dengan Ketua Pengarah IKMa dan penceramah.

PROGRAM BICARA ILMU RAMADAN 2026 “BISNES TANPA MANIPULASI: PENGAJARAN RAMADAN”

YBhg. DATUK MOHD ALI MANSOR
KETUA PENGARAH
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)



Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

Program Bicara Ilmu Ramadan 2026 “Bisnes Tanpa Manipulasi: Pengajaran Ramadan” telah diadakan pada 12 Mac 2026 di Hotel Riverside Majestic Puteri Wing, Kuching, Sarawak. Program ini dihadiri seramai 225 orang yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di bahagian Kuching dan kawasan sekitarnya. Turut hadir ialah kakitangan jabatan dan agensi kerajaan, serta ketua kaum dan ketua masyarakat yang berpejabat dan tinggal di sekitar bandar Kuching.

Penganjuran program seumpama ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman peserta tentang kepentingan menjalankan perniagaan secara berintegriti selaras dengan nilai Ramadan, di samping memperkenalkan konsep pemasaran berprinsip yang menyeimbangkan keberkesanan promosi dengan tanggungjawab etika. Program ini juga membantu

peserta membezakan antara strategi promosi yang sah dan amalan eksploitasi serta menggalakkan pembangunan pendekatan perniagaan yang pintar, beretika dan berasaskan pembinaan kepercayaan pelanggan jangka panjang. Program ini melibatkan dua sesi perkongsian ilmu dan maklumat oleh Dr. Fadilah Siali, Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), dan Ustaz Rahmat Ikhsan Mohd Sofyan, Pencetus Ummah.

Program bermula pukul 2.30 petang dengan sesi perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman

BICARA ILMU: BISNES TANPA MANIPULASI

Nur Fatin Shazwani Ahmad
nurfatinshazwani@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



Sesi bergambar bersama peserta program.

oleh Dr. Fadilah Siali dalam slot bicara ilmu bertajuk “Pemasaran Berprinsip: Antara Promosi dan Eksploitasi”. Sesi perkongsian maklumat seterusnya adalah sesi perkongsian ilmu daripada Ustaz Rahmat Ikhsan Mohd Sofyan yang bertajuk “Strategi Pintar, Etika Terpelihara”.

Majlis perasmian program Bicara Ilmu Ramadan 2026 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah, Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Puan Hajah Siti Maimunah Hj. Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak dan Tuan Haji Norazlan Hj. Anuar, Pengarah SKM Sarawak.



Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Kop 2.



Taklimat oleh Pihak GHL Malaysia (Epay).

PROGRAM BIMBINGAN MENINGKATKAN PENDAPATAN KOPERASI

Frank Me-ol

frank@ikma.edu.my

IKMa Zon Sarawak

Program Bimbingan Koperasi (BIK) yang dilaksanakan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) merupakan satu inisiatif pembangunan kapasiti yang memberi fokus kepada pemerkasaan koperasi melalui pendekatan bimbingan secara langsung dan praktikal melibatkan tempoh masa setahun. Dalam program ini, koperasi yang dipilih bukan sekadar diberi latihan teori, tetapi turut melibatkan proses pemerkasaan yang menyeluruh dalam tadbir urus dan perniagaan koperasi. Ini termasuk pembangunan pelan strategik koperasi, penambahbaikan tadbir urus, pengukuhan aktiviti perniagaan sedia ada serta penerokaan peluang perniagaan baharu untuk meningkatkan daya saing koperasi.

Pelaksanaan BIK bermula dengan penilaian awal ke atas kedudukan koperasi berpotensi diikuti dengan perbincangan antara pihak IKMa dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) bagi mendapatkan persetujuan penyertaan koperasi diwakili dalam program BIK. Untuk IKMa Zon Sarawak, salah sebuah koperasi berpotensi yang bersetuju untuk menyertai program BIK ini ialah Koperasi Kampung Mayang Tembawang Serian Berhad (KKMTSB) yang telah diberi penerangan oleh Encik Frank Meol, Pegawai Latihan IKMa Zon Sarawak sejak penghujung Januari 2026. KKMTSB terlibat dalam aktiviti peruncitan dengan pendapatan tahunan sekitar RM600 – RM700 ribu setahun.

Sejak menyertai program BIK, aktiviti pertama yang diadakan bersama ALK, JAD dan kakitangan koperasi adalah membangunkan Pelan Strategik koperasi pada 5–6 Februari 2026. Pelan strategik ini bertujuan membentuk hala tuju dan perancangan jangka panjang koperasi. KKMTSB seterusnya dengan bimbingan Encik Frank Meol, Pegawai Latihan IKMa Zon Sarawak, telah memohon untuk menjadi ejen MyKasih Foundation, SPay Global dan GHL Malaysia. Pendaftaran sebagai ejen untuk ketiga-tiga perkara tersebut akan membantu KKMTSB meningkatkan pendapatan, capaian pelanggan yang lebih luas dan penglibatan koperasi secara total dalam penggunaan kemudahan pembelian dan pembayaran digital.



Pelanggan membuat pembayaran menggunakan MyKasih.



Perkhidmatan membayar cukai jalan dan insurans kenderaan kini di koperasi Mayang Tembawang Serian Bhd.

Koperasi turut menjadi ejen kepada pembayaran cukai jalan dan pembaharuan insurans kenderaan bermotor dengan kerjasama ejen insurans tempatan. Dengan jumlah kenderaan dan motosikal melebihi 200 buah di kampung tersebut, KKMTSB berpeluang untuk mengambil sebahagian daripada syer pasaran yang ada.

Pihak ALK, JAD dan kakitangan koperasi turut sama dibawa

membangunkan aturan perniagaan koperasi yang tidak pernah dibangunkan sejak koperasi ditubuhkan pada tahun 1974. Antara aturan yang dibangunkan adalah Aturan Perniagaan Kedai Runcit koperasi, Aturan Kebajikan Koperasi, Aturan Perniagaan EPay, Aturan Perniagaan Pembaharuan Cukai Jalan dan Kenderaan Bermotor dan Aturan Sewaan Van Koperasi. Dalam masa yang sama, pihak IKMa turut membantu



Pembangunan Aturan Perniagaan Koperasi.

koperasi mengemas kini kaedah peragaan dan peletakan harga di kedai koperasi serta daftar stok yang selama ini dilakukan dengan menulis tanda harga menggunakan *pen marker* di atas produk jualan dan secara manual.

Setelah dilantik sebagai ejen MyKasih, SKAS serta perniagaan pembaharuan cukai jalan dan insurans bermotor sejak penghujung Mac 2026, koperasi mula menunjukkan peningkatan pendapatan berbanding bulan-bulan sebelumnya. Untuk bulan Mac 2026, koperasi mencatat peningkatan pendapatan sebanyak 24% berbanding bulan sebelumnya dan seterusnya sebanyak 31% sehingga minggu ketiga April 2026 berbanding bulan Februari 2026.

Dengan pemasangan terminal GHL (Epay) yang dijadualkan pada 29 April 2026, KKMTSB dijangka akan terus memacu ke hadapan bukan sahaja dari segi pendapatan dan kepelbagaian perniagaan bahkan memberi lebih banyak pilihan kepada anggota dan bukan anggota di sekitar pusat operasi koperasi. Pendaftaran koperasi sebagai ejen di dalam keempat-empat perniagaan tersebut juga turut menjadikan KKMTSB menjadi koperasi pertama di bahagian Serian yang terlibat di dalam kesemua aktiviti seumpamanya. Pilihan yang banyak dan memudahkan keperluan anggota menjadi nadi utama memastikan kesetiaan dan penglibatan anggota di dalam koperasi untuk tempoh jangka masa panjang.



Sesi Lawatan yang disampaikan oleh Pn.Eriy.



Gambar Kenangan bersama Peserta di depan Kilang QueYun Tuhau.

LAWATAN INDUSTRI KE KILANG QUEYUN TUHAU: MENEROKA POTENSI PERNIAGAAN OEM

Norawati Ngatmin
norawati@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah



Wakil IKMa bergambar kenangan bersama Pemilik dan Staf QueYun.



Sesi Simulasi dalam Kilang QueYun Tuhau di sampaikan oleh En. Muhammad Alfee.



Sesi ceramah yang di sampaikan oleh Coach Awang Amdan.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah menganjurkan Kursus Potensi Perniagaan Produk OEM pada 12 hingga 13 Mei 2026 di IKMa Zon Sabah, Kota Kinabalu. Kursus ini bertujuan memperkasa pengetahuan dan kemahiran peserta dalam bidang keusahawanan produk OEM (Original Equipment Manufacturer),

khususnya berkaitan pembangunan produk, penjenamaan dan strategi pemasaran. Program ini juga memberi pendedahan kepada peserta tentang potensi pembangunan produk tempatan bernilai komersial tinggi, terutama dalam industri makanan dan minuman sebagai sumber pendapatan baharu kepada

koperasi dan usahawan kecil di Sabah.

Antara pengisian utama kursus ialah lawatan industri ke Kilang QueYun Tuhau yang terkenal dengan penghasilan produk makanan tradisional Sabah berasaskan tuhau. Peserta berpeluang melihat sendiri



Antara produk keluaran Kilang QueYun Tuhau.



Puan Norawati Penyelaras Program bersama Wakil Peserta Dr.Rainal menyampaikan cederahati IKMa kepada Puan Eriy.



Sesi Perkongsian Koperasi disampaikan Oleh Datin Clarence Pengerusi KOPIO.

proses pengeluaran produk OEM bermula daripada penyediaan bahan mentah, pemprosesan, kawalan kebersihan dan sanitasi, pembungkusan produk serta strategi pemasaran yang digunakan syarikat tersebut. Lawatan ini membantu peserta memahami operasi sebenar industri makanan dan kepentingan menjaga standard kualiti produk.

Peserta turut mengikuti sesi perkongsian ilmu oleh pemilik QueYun Tuhau, Puan Eriy Dusun yang berkongsi pengalaman membangunkan perusahaan produk tuhau sehingga berjaya menembusi pasaran yang lebih luas. Beliau turut menjelaskan cabaran dalam pengurusan pengeluaran makanan, inovasi produk dan strategi pemasaran.

penetapan harga dan pengurusan kos pengeluaran produk secara lebih praktikal. Wakil Co-opBank Pertama, Encik Mohammad Hazrin pula memberi penerangan mengenai peluang pembiayaan kewangan kepada koperasi dan usahawan. Sesi terakhir oleh YBhg. Datin Clarence, Pengerusi Koperasi Usahawan Peniaga Inanam, berkongsi pengalaman membangunkan produk OEM kopi kaktus yang berpotensi tinggi di pasaran tempatan.



Antara kumpulan peserta yang membentangkan kaedah penetapan harga dan pengurusan kos pengeluaran produk secara lebih praktikal.

Selain itu, beberapa sesi ceramah telah disampaikan oleh penceramah berpengalaman termasuk Konsultan QueYun, Encik Awang Amdan berkaitan dengan pengenalan perniagaan OEM, kos pemasaran serta aspek keselamatan dan sanitasi makanan. Peserta juga berpeluang membentangkan pengiraan kos produk OEM bagi membantu mereka memahami kaedah


Secara keseluruhannya, program ini berjaya memberi pendedahan praktikal dan inspirasi kepada peserta dalam meneroka potensi perniagaan OEM sebagai peluang ekonomi yang berdaya maju. Program seperti ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai usahawan dan koperasi yang mampu menghasilkan produk tempatan berkualiti tinggi serta berdaya saing pada masa hadapan.

BICARA ILMU: PROFESIONAL DALAM TINDAKAN, POSITIF DALAM MINDA

Mohd Hamzah Kasim
hamzah@ikma.edu.my
IKMa Zon Utara




YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) merangkap Anggota Lembaga Pengarah IKMa menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan program.



Sebahagian peserta Bicara Ilmu: Profesional dalam Tindakan, Positif dalam Minda

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara telah berjaya menganjurkan program bicara ilmu secara dalam talian melalui platform Zoom Meeting pada 30 April 2026 yang lalu. Program bertemakan “*Profesional dalam Tindakan, Positif dalam Minda*” ini mendapat sambutan yang sangat baik dengan penyertaan seramai 228 orang peserta. Program yang berlangsung hampir tiga jam itu dimulakan dengan Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) merangkap Anggota Lembaga Pengarah IKMa.

Bicara ilmu kali ini menampilkan Profesor Dr. Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, seorang pakar dalam bidang psikologi, kaunseling dan kesihatan mental. Beliau yang lebih dikenali sebagai Prof MAS Positif, kini sedang berkhidmat di Jabatan



Prof. MAS Positif berkongsi kata-kata Mutiara penuh hikmah.

Program bicara ilmu ini diharapkan dapat memberi impak positif dalam membangunkan budaya kepimpinan profesional dan minda sihat di kalangan peserta khususnya dalam gerakan koperasi di negara ini.

Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Selain itu, beliau juga aktif berkongsi ilmu melalui platform Tik Tok dan merupakan penulis buku *“Berdamai dengan Narsistik: Rasai Cinta Tuhan, I Love My Self”*.

Sepanjang sesi, Prof MAS Positif menekankan kepentingan pemimpin bersikap profesional iaitu berilmu, berkemahiran, beretika dan patuh undang-undang. Beliau turut menggalakkan pembinaan minda positif, kerjasama dalam pasukan serta mengelakkan budaya negatif seperti hasut-menghasut dan berpuak-puak. Semua pihak juga perlu memainkan peranan dalam memastikan kepimpinan yang sihat dalam organisasi.

Secara keseluruhannya, Program bicara ilmu ini diharapkan dapat memberi impak positif dalam membangunkan budaya kepimpinan profesional dan minda sihat di kalangan peserta khususnya dalam gerakan koperasi di negara ini.



Urus setia IKMa Zon Utara yang memastikan kelancaran program secara dalam talian (online)

PACU TRANSFORMASI PERNIAGAAN KOPERASI BERTERASKAN AI

Rohalinda Ahad

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah
rohalinda@ikma.edu.my



Sesi majlis perasmian program oleh Tuan Hj. Fadilah Salim, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan.



Dari kiri: Puan Noranita Mohd Nor, Tuan Hj. Fadilah Salim dan Timbalan Pengarah SKM Wilayah Persekutuan pada sesi perasmian.



Para peserta kursus bergambar kenangan usai majlis perasmian.

Kursus AI Dalam Pemasaran Digital: Transformasi Perniagaan Koperasi anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMA) Zon Tengah dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Wilayah Persekutuan telah berlangsung pada 4 hingga 5 Jun 2026 di Dewan Perdana, SKM. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Fadilah Salim, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan, dan disertai seramai 57 orang koperator dari sekitar Wilayah Persekutuan.



Sesi ceramah disampaikan oleh Encik Jabbar, Pegawai Latihan Pusat ICT, yang berkongsi ilmu dan pengalaman berkaitan topik kursus.



Sesi ceramah diteruskan pada hari kedua program.

Sepanjang kursus, peserta didedahkan kepada pelbagai teknik dan aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) yang mampu membantu menghasilkan kandungan pemasaran secara lebih kreatif, menjimatkan masa dan meningkatkan keberkesanan promosi produk serta perkhidmatan koperasi. Peserta turut berpeluang mengaplikasikan teknik yang dipelajari menerusi sesi latihan praktikal yang dikendalikan oleh Encik Abduh Djabbar Jusni dari Pusat Teknologi Maklumat, IKMa.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan IKMa dan SKM dalam memperkasakan koperator dengan kemahiran digital selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Penggunaan AI dalam pemasaran dilihat mampu membantu koperasi memperluas capaian pelanggan, meningkatkan keberkesanan promosi dan memperkukuh daya saing perniagaan dalam era digital.

Kesungguhan dan penglibatan aktif peserta sepanjang program membuktikan kesediaan gerakan koperasi untuk mengadaptasi transformasi digital sebagai pemangkin kepada pertumbuhan perniagaan yang lebih mampan. Diharapkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh dapat dimanfaatkan dalam memperkukuh strategi pemasaran serta mempertingkatkan keberkesanan operasi dan pemasaran koperasi.



Sepanjang sesi amali (hands-on), penceramah memberikan bimbingan dan menyemak hasil tugas yang disiapkan oleh peserta.



Peserta membawa komputer riba masing-masing bagi memudahkan mereka mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih berkesan.



Ahli MBJ dan wakil IKMa Zon Sarawak (Cawangan Miri)
bergambar di dalam Gua Dagang, sebahagian dari Gua Niah.

MENELUSURI WARISAN GUA NIAH

Izzah Atirah Norman

izzahatirah@ikma.edu.my

IKMa Zon Sarawak (Cawangan Miri)

Bandar raya Miri telah menjadi lokasi mesyuarat pertama Majlis Bersama Jabatan (MBJ) pada tahun ini yang berlangsung pada 13 hingga 15 Februari 2026 bertempat di Hotel Mercure, Miri. Susulan daripada mesyuarat tersebut, satu lawatan pembelajaran telah dilaksanakan pada 14 Februari 2026 ke Gua Niah bermula pada pukul 9.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari. Lawatan ini disertai oleh lapan orang ahli Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) termasuk Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) IKMa dan dua orang wakil dari IKMa Zon Sarawak Cawangan Miri. Objektif lawatan ini untuk mendedahkan keunikan warisan semula jadi dan kepentingan pemuliharaan khazanah sejarah dan arkeologi yang terdapat di negeri Sarawak.

Kompleks Gua Niah merangkumi beberapa buah gua utama seperti Gua Dagang, Gua Gan Kira dan Gua Kain Hitam. Walau bagaimanapun, sepanjang lawatan tersebut hanya Gua Dagang dapat dilawati. Laluan menuju ke Gua Gan Kira dan



Gambar kenangan di hadapan tugu
Taman Negara Niah yang telah diiktiraf
sebagai Tapak Warisan Dunia
oleh UNESCO.



Bersama jurupandu iaitu Encik Awang bin Awang Taip dan Puan Cresency Umely Udin daripada Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) di hadapan Muzium Arkeologi Gua Niah.



Gambar di laluan jambatan kayu belian yang dibina merentasi kawasan hutan hujan tropika Taman Negara Niah.

Gua Kain Hitam tidak dapat dilalui berikutan berlakunya hakisan pada permukaan laluan gua yang berpotensi membahayakan keselamatan pengunjung. Justeru, laluan tersebut telah ditutup sementara bagi memastikan keselamatan semua pihak. Sepanjang lawatan berlangsung, Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) telah menyediakan khidmat jurupandu iaitu Encik Awang Awang Taip dan Puan Cresency Umely Udin bagi memastikan perjalanan lawatan berjalan dengan lancar.

Lawatan dimulakan dengan sesi pendaftaran di Pusat Khidmat Pelanggan Taman Negara Niah sebelum para peserta menaiki bot menyeberangi Sungai Niah yang mengambil masa kira-kira

tiga minit perjalanan. Kemudian, perjalanan diteruskan menuju ke Gua Dagang melalui laluan jambatan kayu belian yang dibina merentasi kawasan hutan hujan tropika. Di Gua Dagang, terdapat struktur tinggalan pondok tanpa bumbung yang diperbuat daripada kayu belian. Pondok-pondok ini dahulunya digunakan oleh para pemungut sarang burung bersama keluarga mereka sebagai tempat tinggal sementara semasa musim pengumpulan sarang burung. Nama Gua Dagang sendiri dipercayai berasal daripada kegiatan perdagangan sarang burung dan hasil hutan lain yang dijalankan antara para penjolok sarang burung dan para pedagang dari Pekan Niah. Selain itu, terdapat dua buah telaga yang pernah digunakan oleh penghuni

bermusim di kawasan tersebut sebagai sumber air.

Kemuncak program pada hari tersebut adalah lawatan ke Muzium Arkeologi Gua Niah. Muzium ini mempamerkan pelbagai artifak penting yang ditemui di kompleks Gua Niah termasuk tengkorak manusia purba, alat-alat batu dari zaman Pleistosen, perhiasan kerang dan tembikar dari Zaman Besi. Pameran tersebut turut mengetengahkan nilai warisan budaya masyarakat Dayak serta kepentingan Gua Niah dalam kajian sejarah awal manusia di Asia Tenggara. Penemuan ini memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kehidupan harian manusia prasejarah dan interaksi mereka dengan persekitaran semula jadi pada ketika itu.

PENGERUSI IKMa SANTUNI WARGA IKMA ZON TENGAH

Norfaezah Mahmood

norfaezah@ikma.edu.my
IKMa Zon Tengah

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah telah menerima kunjungan rasmi daripada YB Tuan Onn Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa pada 15 Januari 2026. Lawatan kerja ini bertujuan memperkukuhkan hubungan strategik, menyelaraskan hala tuju organisasi serta memperkasa peranan IKMa di peringkat zon.

Turut mengiringi beliau ialah Timbalan Ketua Pengarah

Pengurusan IKMa, Puan Hamidah Mohd Jos dan Setiausaha Lembaga Pengarah IKMa, Puan Nor Azila Md Tauhid. Selain itu, pegawai-pegawai Zon Tengah iaitu Puan Rohalinda Ahad, Timbalan Pengarah Zon Tengah; Puan Rina Fairuz Jahya, Pegawai Latihan Kanan; serta Puan Norfaezah Mahmood, Pegawai Latihan turut berkesempatan untuk meraikan kunjungan YB Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa ke pejabat IKMa Zon Tengah.

Lawatan kerja ini bertujuan memperkukuhkan hubungan strategik, menyelaraskan hala tuju organisasi serta memperkasa peranan IKMa di peringkat zon.

”



Gambar di hadapan pejabat IKMa Zon Tengah.

Dalam sesi tersebut, Puan Noranita Mohd Nor, Pengarah IKMa Zon Tengah telah menyampaikan taklimat ringkas berkaitan pentadbiran Zon Tengah, pencapaian prestasi semasa serta perancangan program latihan dan pembangunan bagi tahun 2026, khususnya untuk gerakan koperasi yang meliputi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan.

Sepanjang lawatan, YB Tuan Onn Abu Bakar turut meninjau kawasan pejabat serta ruang kerja warga IKMa Zon Tengah bagi melihat sendiri persekitaran kerja dan kemudahan yang disediakan dalam menyokong pelaksanaan program latihan dan pembangunan koperasi. Beliau juga berkesempatan beramah mesra serta bertukar pandangan

bersama para peserta Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1) yang dihadiri seramai 45 orang wakil daripada 21 buah koperasi, sekali gus mencerminkan keprihatinan dan sokongan beliau terhadap usaha memperkasa tadbir urus koperasi.

Semoga pertemuan yang bermakna ini menjadi pemangkin kepada pengukuhan kerjasama, penyelarasan yang lebih mantap serta peningkatan kecemerlangan IKMa Zon Tengah pada masa hadapan.



Sesi perbincangan dan pembentangan.



Penyampaian cenderamata kepada YB Tuan Haji Onn.



Gambar YB Tuan Haji Onn dan pegawai IKMa Zon Tengah bersama peserta kursus.



KOLABORASI IKMa DAN SUSTNET PERKUKUH INTEGRASI ESG DALAM GERAKAN KOPERASI MALAYSIA

Hasrin Abu Hassan
hasrin@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan

Dari kiri: Encik Hasrin Abu Hassan, Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Puan Sri Datin Seri Noraesyah Saari dan Puan Nur Faeza Yahya yang mewakili IKMa dalam penerimaan anugerah ini.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) terus memperkuat peranannya sebagai peneraju pembangunan modal insan koperasi apabila menerima pengiktirafan sebagai Pusat Pembelajaran ESG sempena *Asia Pacific Sustainability Conference & Malaysia Global Sustainability Awards 2025 (MGSA 2025)* yang berlangsung pada 8 Januari 2026 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur.

Pengiktirafan ini sebagai satu usaha IKMa dalam menyokong Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM2030) seperti yang dinyatakan dalam 'Teras Dasar 2' iaitu meningkatkan kefahaman

Kejayaan sebegini tercapai adalah daripada usaha seluruh warga IKMa dan sokongan koperasi terhadap latihan dan pendidikan yang dilaksanakan oleh IKMa.

dan penghayatan prinsip koperasi menggunakan Strategi 6 iaitu memupuk amalan ESG (Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus) dalam gerakan koperasi.

Anugerah ini juga membuktikan komitmen dan tanggungjawab IKMa dalam memacu kelestarian, tadbir urus baik dan inovasi pendidikan koperasi mampan secara khususnya di Malaysia.

Kolaborasi strategik antara IKMa dan Sustainable Business Network Association Malaysia (SustNET) ini membuktikan kesungguhan IKMa dalam memacu agenda kelestarian, tadbir urus koperasi ke arah amalan mampan perniagaan dengan mengintegrasikan prinsip ESG bagi menyokong pertumbuhan jangka panjang serta memberi impak positif kepada komuniti.

Melalui kolaborasi ini pelbagai inisiatif akan dilaksanakan termasuk membantu koperasi membangunkan model amalan ESG yang berkesan, menyediakan latihan dan bengkel dan berkongsi inisiatif kejayaan mampan serta kajian kes yang boleh dijadikan panduan kepada gerakan koperasi.

Program dimulakan dengan perkongsian ilmu daripada pembentang dalam dan luar negara berkaitan pendekatan ESG dan pembangunan lestari. Perkongsian ilmu daripada pembentangan ini sangat bermanfaat kepada peserta bagi mencapai kelestarian dalam ekosistem koperasi. Sebanyak 176 penerima anugerah pelbagai kriteria pada majlis ini yang terdiri dari pihak agensi kerajaan, industri, NGO, universiti, politeknik, kolej, sekolah dan lain-lain lagi. Mewakili IKMa dalam penerimaan anugerah ini ialah Encik Mohd. Zaib Mat

Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan (PMI) dan Puan Sri Datin Seri Noraesyah Saari, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan (BKP). Puan Nur Faeza Yahya, Pengarah Pusat Pengurusan Perniagaan juga turut hadir dalam majlis ini.

Pengiktirafan ESG yang diberikan kepada IKMa, diyakini hasil daripada inisiatif berterusan sejak tahun 2021 dan komitmen berterusan dalam menerapkan elemen kelestarian dan kemampanan menerusi latihan serta pendidikan koperasi, khususnya kepada koperasi yang terlibat dalam sektor pelancongan komuniti dan pelancongan lestari. Hasilnya, lima (5) koperasi telah menerima anugerah *MGSA GREENEXT Award* berdasarkan penilaian ke atas projek yang dilaksanakan iaitu Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad, Koperasi

Homestay Sarang Buaya Muar Berhad, Koperasi Homestay Telok Ketapang Terengganu Berhad, Koperasi Homestay D'pelandok Best Port Dickson Berhad dan Koperasi Kariah Masjid Zahir Kedah Berhad.

Kejayaan sebegini tercapai adalah daripada usaha seluruh warga IKMa dan sokongan koperasi terhadap latihan dan pendidikan yang dilaksanakan oleh IKMa. Seiring dengan perkembangan semasa yang menuntut koperasi lebih bertanggungjawab terhadap aspek kelestarian dan tadbir urus, IKMa komited untuk terus memperluas peranan sebagai institusi peneraju pembangunan koperasi negara dengan menjadikan ESG dan kelestarian sebagai teras utama pembangunan gerakan koperasi Malaysia. Ia diharap terus menjadi inspirasi kepada IKMa untuk terus cemerlang mendepani masa hadapan dengan menjadikan kelestarian sebagai teras utama.



Pengiktirafan ESG kepada IKMa hasil komitmen berterusan dalam memupuk amalan kelestarian dan kemampanan koperasi.

STRATEGIC GOVERNANCE, CAPABILITY & COMMUNICATION: MEMPERKASA TADBIR URUS GLOBAL

Hamidah Mohd Jos

hamidah@ikma.edu.my

Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Siti Maimunah Jerni

maimunah@ikma.edu.my

IKMa Zon Sarawak

Pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah berpeluang menyertai Program Strategic Governance, Capability & Communication Programme anjuran Persatuan Badan Berkanun Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Auckland, New Zealand pada 7 hingga 17 April 2026. Pihak IKMa telah diwakili oleh Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan dan Puan Hj Siti Maimunah Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak. Seramai 17 orang peserta telah menghadiri program ini yang turut disertai wakil daripada agensi persekutuan, badan berkanun, universiti dan majlis bandar raya.

Pelbagai teknik kepimpinan dan perkongsian tadbir urus peringkat antarabangsa dan nasional telah didedahkan kepada para peserta. Berikut pengisian yang telah diikuti:

- **Seminar berkaitan memperkasa Tadbir Urus Sektor Awam: Dasar, Kepimpinan dan Akauntabiliti**

Aotearoa New Zealand Victoria University. Perkongsian Dr Rose Cole berkaitan pengurusan tadbir urus dan akauntabiliti dalam kerajaan New Zealand yang berasaskan sistem Westminster, di mana para menteri bertanggungjawab kepada parlimen manakala penjawat awam beroperasi dalam rangkaian arahan yang tersusun. Pengenalan Public Service Act 2020 merupakan reformasi penting yang mentakrifkan secara jelas tujuan, prinsip, dan nilai perkhidmatan awam negara tersebut. Modul ini turut meneroka mekanisme integriti

dalam perkhidmatan awam New Zealand, termasuk rangka kerja perundangan seperti Crimes Act 1961 dan Secret Commissions Act 1910, serta komitmen antarabangsa di bawah konvensyen seperti UNCAC dan OECD Anti-Bribery Convention.

- **Persidangan Alter: Undang-undang, Teknologi dan Tadbir Urus Kerajaan** di University of Auckland. Persidangan tersebut berjaya menghimpunkan ahli akademik, penggubal dasar, pengawal selia, pengamal undang-undang, pegawai awam, dan pakar



Penerangan daripada pihak Te Wānanga Institute berkaitan Maori.



Penerangan berkaitan dengan sejarah perkampungan pribumi Whakarewarewa.



Lawatan dan taklimat ke National Emergency Management Agency, Wellington.



Sesi perkongsian dari Victoria University.



Lawatan Rumah Malaysia di New Zealand.

industri bagi membincangkan perkembangan hubungan antara undang-undang, teknologi, dan tadbir urus awam. Antara pengisian oleh Professor Alexandra Andhov yang berkongsi pandangan membina asas intelektual yang kukuh dengan menekankan bahawa masa depan tadbir urus tidak dapat ditangani melalui disiplin yang berasingan. Sebaliknya, tindak balas yang berkesan terhadap cabaran baharu memerlukan pendekatan bersepadu merangkumi undang-undang, teknologi dan kerajaan.

- **Bagaimana Undang-undang dapat Menyokong Inovasi dan Keusahawanan di New Zealand?** Sesi ini memberi tumpuan kepada kaedah sistem perundangan dapat menyokong keusahawanan, ekosistem inovasi dan pertumbuhan ekonomi secara aktif. Panel membincangkan aspek peraturan penubuhan syarikat (startup), akses kepada modal, perlindungan harta intelek, kecekapan penubuhan perniagaan, serta kerjasama antara universiti dan industri.



Seminar dan persidangan di Auckland.

- **Perolehan Teknologi Sektor Awam.** Perbincangan memberi tumpuan kepada bagaimana kerajaan melaksanakan tadbir urus perolehan sistem digital, teknologi baharu dan penyelesaian inovasi. Beberapa isu utama telah diketengahkan dalam sesi ini termasuk isu sistem perolehan tradisional yang terlalu rigid serta pendekatan yang hanya menekankan kos terendah tidak semestinya menghasilkan nilai terbaik dalam jangka panjang.
- **Mengawal Selia AI vs Mentadbir AI.** Sesi ini merupakan antara sesi yang paling mencetuskan pemikiran sepanjang persidangan kerana ia turut menjadi isu dasar awam. Para penceramah membezakan antara “mengawal selia AI” dan “mentadbir AI” dengan merujuk kepada peraturan perundangan, standard dan keperluan pematuhan. Manakala mentadbir AI mempunyai skop yang lebih luas, meliputi kawalan organisasi, etika, akauntabiliti, pengurusan risiko, kebolehauditan, pengawasan manusia dan tanggungjawab institusi. Turut dibincangkan kemudaratannya dalam talian, maklumat palsu (*misinformation*), buli siber, penderaan digital, dan tanggungjawab platform digital. Pelbagai strategi praktikal turut dibincangkan bagi meningkatkan keselamatan digital melalui pendidikan, pencegahan, kerjasama pelbagai pihak dan sistem sokongan yang responsif.
- **Taklimat dan lawatan ke National Emergency Management Agency** memberikan pendedahan yang bernilai tentang tindakan proaktif New Zealand dalam mengawal pertahanan negara dan mengawal krisis serta bencana melalui sistem tadbir urus kecemasan yang berkesan. Sesi tersebut turut menekankan kepentingan *decision hygiene* (keputusan tanpa gangguan). Pengurus pasukan dan kesiapsiagaan audit, di mana akauntabiliti perlu bermula semasa krisis sedang berlaku, bukannya selepas krisis berakhir.
- **Penglibatan Komuniti dalam Persekitaran Berisiko Tinggi dan Menangani Situasi Kecemasan-** Sesi Perkongsian oleh Mrs. Fieza, “*Counsel Staff*” berpusat di Wellington selaku pemimpin dan tindakan menangani krisis.
- **Taklimat berkaitan tadbir urus dan kepimpinan warisan masyarakat Maori** yang unik di Te Wananga Institute. Lawatan telah memberikan pengalaman yang sangat berharga tentang kelestarian budaya diterapkan dalam sistem komuniti peribumi.
- **Sesi perkongsian dari Dr. Diyana Hashim, Ketua Komunikasi Korporat JPA** berkongsi tentang cara penyampaian efektif setiap dasar atau keputusan kerajaan agar mudah difahami oleh masyarakat
- **Lawatan hormat ke Rumah Malaysia,** kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia. Kedatangan peserta dihoskan dengan penuh mesra oleh Puan Mazita Marzuki, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, New Zealand.



DARI LADANG KE PIRAMID: APA YANG BOLEH DIPELAJARI UNTUK MASA DEPAN KOPERASI?

Mohd Zaib Mat Yunus

zaib@ikma.edu.my

Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan)

Mampukah sebuah kawasan gurun yang tandus berubah menjadi pusat pembangunan lestari bertaraf dunia? Dan lebih menarik, apakah rahsia di sebalik kejayaan itu yang boleh dimanfaatkan untuk memperkukuh pembangunan modal insan serta gerakan koperasi di Malaysia?

Persoalan ini menjadi antara sebab utama penyertaan dalam SEKEM Egypt Program 2026: From Farms to Pyramids, satu program pembelajaran antarabangsa selama 7 hari bermula 17 hingga 23 Januari 2026 di Mesir yang menghimpunkan pemimpin, pendidik, usahawan dan individu yang komited membawa perubahan kepada

masyarakat melalui pembangunan yang mampan. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) diwakili oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), Puan Sri Datin Seri Noraesyah Saari, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan & Perniagaan dan Puan Juliana Md Yusop, Pegawai Latihan IKMa.

Program ini memberi peluang kepada peserta mendekati sendiri inisiatif SEKEM, sebuah organisasi pembangunan lestari yang diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana berjaya mengubah kawasan padang pasir menjadi ekosistem yang berkembang melalui pertanian mampan, pendidikan, perusahaan sosial dan pembangunan komuniti.

Peserta berpeluang memahami bagaimana aspek kepimpinan, kelestarian, inovasi dan pembangunan komuniti boleh digabungkan dalam membina organisasi yang lebih kukuh dan berdaya tahan.

Bagi IKMa sebagai institusi yang bertanggungjawab membangunkan modal insan koperasi, pengalaman seperti ini mempunyai nilai yang amat besar. Ia bukan sekadar lawatan



Budaya 'Morning Circle' SEKEM: Membina Semangat Kebersamaan. Semasa sesi ini seluruh warga kerja berkumpul dalam satu bulatan besar untuk menyelaraskan nilai bersama, memperkukuh ikatan silaturahim dan memupuk semangat kerja berpasukan sebelum memulakan tugas harian di ladang serta fasiliti organisasi.



Pengurusan Sisa yang Mampan. Encik Mohd Zaib berdiri di samping timbunan besar jerami padi yang dikumpul untuk digunakan sebagai input penting pertanian biodinamik di ladang SEKEM. Jerami tersebut akan diubah menjadi kompos berkualiti tinggi dan digunakan untuk menyuburkan tanah.

sambil belajar, tetapi ruang untuk melihat bagaimana pendekatan pembangunan lestari dilaksanakan secara nyata dan memberi impak kepada masyarakat.

Melalui program ini, peserta berpeluang memahami bagaimana aspek kepimpinan, kelestarian, inovasi dan pembangunan komuniti boleh digabungkan dalam membina organisasi yang lebih kukuh dan berdaya tahan.

Selain itu, pengalaman antarabangsa seperti ini boleh

memberi idea baharu dalam memperkukuh program latihan, bimbingan dan pembangunan kapasiti yang dilaksanakan oleh IKMa kepada koperasi dan komuniti koperasi.

Tidak kurang pentingnya, program ini juga membuka ruang kepada pembentukan jaringan antarabangsa serta perkongsian amalan terbaik bersama peserta dan institusi dari pelbagai agensi dalam memperkasa inisiatif pembangunan yang lestari berdasarkan prinsip SDG.



Wakil IKMa (dari kanan: Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Puan Sri Datin Seri Noraesyah, dan Puan Juliana Md Yusop) bergambar di hadapan pintu masuk Ladang SEKEM yang terletak di Belbeis kira-kira 60km utara timur Kaherah, Mesir. Simbol emas di atas nama SEKEM melambangkan kecekapan dan pertumbuhan mampan dan di sinilah kisah bagaimana visi pertanian biodinamik menghidupkan tanah gurun bermula.



Wakil IKMa (dari kiri: Puan Sri Datin Seri Noraesyah, Puan Juliana Md Yusop dan Encik Mohd Zaib Mat Yunus) bergambar kenangan bersama Encik Mohamad, wakil SEKEM dan Ts. Dr. Norsaidatul Akmar, wakil Sustainable Business Network Association Malaysia (SustNET) sejurus selepas majlis penyampaian Sijil Kredit Karbon EoL yang berlangsung di perkarangan Guesthouse SEKEM. Penerimaan sijil ini menandakan fasa baharu dalam perjalanan IKMa menuju penarafan hijau dan mengukuhkan jaringan kerjasama global dalam agenda kelestarian.

COOPBIZ 2026: MEMACU TRANSFORMASI PERNIAGAAN KOPERASI MELALUI AKSES PEMBIAYAAN STRATEGIK

Ahmad Muhaiminul Hakim Ahmad Fauzi
muhammadh@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa

Pada 3 hingga 6 Februari 2026, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah menganjurkan program COOPBIZ 2026: Memacu Transformasi Perniagaan Koperasi Melalui Akses Pembiayaan Strategik bertempat di Bandung, Indonesia. Objektif program ini adalah bagi menyediakan platform strategik memperkasakan potensi koperasi ke arah penskalaan yang mampan dan berdaya tahan dalam pasaran yang semakin kompetitif.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Zazali Haron, Anggota Lembaga Pengarah IKMa dengan kehadiran YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa serta Pengarah Kanan IKMa dan pegawai-pegawai dari Pusat Antarabangsa, IKMa.

Program ini telah disertai seramai 44 orang anggota lembaga koperasi dan pengurusan tertinggi koperasi. Antara koperasi yang hadir adalah Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad, Koperasi Komuniti

Program ini memberi penekanan khusus terhadap empat teras utama iaitu kesiapsiagaan pembiayaan strategik, pengukuhan tadbir urus, penskalaan nilai perniagaan, serta pengukuhan kolaborasi serantau



Barisan tetamu kehormat.

Kepulauan Tuba dan Selat Berhad (KOPTUBAS), Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (SAHABAT), Koperasi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Berhad (KPB), Koperasi Pelaburan Pekerja-Pekerja Kejora Berhad (KOPERA), Koperasi Ladang Berhad (KLB), Koperasi NUCW Berhad, Koperasi Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat Berhad (KGMMB), Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ), Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK), Koperasi

Khidmat Muamalat Berhad, Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad (COOPKILIM), Koperasi Pembangunan Hartanah Kencana Berhad, Koperasi On Semiconductor Seremban Berhad dan Koperasi Tenaga Nasional Berhad.

Program ini memberi penekanan khusus terhadap empat teras utama iaitu kesiapsiagaan pembiayaan strategik, pengukuhan tadbir urus, penskalaan nilai perniagaan, serta pengukuhan kolaborasi serantau. Selain itu, ia juga berperanan

sebagai ruang perkongsian strategik bagi membincangkan hala tuju perniagaan koperasi secara lebih berstruktur dan berfokus dengan menekankan keperluan pendekatan pembangunan yang berteraskan penciptaan nilai serta keupayaan menskalakan perniagaan secara mampan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dilaksanakan dan mencapai objektifnya. Diharapkan program ini dapat memberikan nilai tambah kepada para peserta serta menyumbang ke arah peningkatan prestasi koperasi pada masa hadapan.



YBhg Dato' Haji Zazali Haron dalam ucapan perasmian penutupan Coopbiz 2026.



IKMa CAWANGAN TAWAU PERKUKUH JARINGAN STRATEGIK BERSAMA FELDA WILAYAH SAHABAT

Mohd Alzaery Abdul
 alzaery@ikma.edu.my
 IKMa Zon Sabah
 (Cawangan Tawau)

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Cawangan Tawau terus mempergiat usaha memperkukuh jaringan kerjasama strategik apabila mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Felda Wilayah Sahabat, Lahad Datu pada 14 April 2026.

Kunjungan yang diketuai oleh Pengarah IKMa Cawangan Tawau, Encik Mohammad Pisah Ali telah disambut mesra oleh Pengarah Wilayah Felda Sahabat, Encik Mohammad Nazri Ulin bersama barisan pegawai dan kakitangan Felda Wilayah Sahabat. Lawatan ini merupakan kunjungan rasmi pertama IKMa Cawangan Tawau di luar daerah Tawau bagi tahun 2026 dan amat signifikan memandangkan terdapat 11 buah koperasi yang berdaftar di bawah naungan Pejabat Felda Wilayah Sahabat.

Antara fokus utama perbincangan ialah cadangan pelaksanaan program pembangunan modal insan, latihan kepimpinan, pengukuhan tadbir urus koperasi serta kursus peningkatan kompetensi Anggota Lembaga Koperasi di kawasan Felda Wilayah



Encik Mohammad Pisah Ali menyampaikan cenderamata kepada pihak Felda Wilayah Sahabat.



Perbincangan strategik antara kedua-dua belah pihak.

Sahabat. Selain itu, kedua-dua pihak turut membincangkan peluang kerjasama dalam penganjuran program komuniti dan keusahawanan termasuk penglibatan IKMa Cawangan Tawau dalam Karnival Keusahawanan Sahabat (KAKES) yang dianjurkan setiap tahun oleh pihak Felda Wilayah Sahabat.

Pihak Felda Wilayah Sahabat turut menyatakan komitmen dan maklum balas positif terhadap cadangan

kerjasama yang diketengahkan bagi memperkasakan lagi gerakan koperasi dalam kalangan komuniti Felda.

Kunjungan ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada hubungan kerjasama yang lebih erat antara IKMa dan Felda Wilayah Sahabat, seterusnya memperkukuh kefahaman berkoperasi serta meningkatkan penglibatan aktif anggota koperasi dalam pembangunan sosioekonomi komuniti setempat.



LAWATAN PENANDA ARAS KOPERASI KARIAH MASJID

Mohamad Suandi Mortadza
msuandi@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak

Program Lawatan Penanda Aras Koperasi Kariah Masjid Sarawak ke negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diadakan pada 20-23 April 2026. Program ini meliputi lawatan ke koperasi kariah masjid yang berjaya serta melawat koperasi berjaya yang menjadi penanda aras kepada tadbir urus dan perniagaan koperasi kariah masjid. Program ini juga merupakan pengukuhan kepada siri program kepada koperasi kariah masjid Sarawak yang telah dibuat sebelum ini.

Seramai 29 orang anggota lembaga koperasi, jawatankuasa audit dalaman dan ahli jawatankuasa koperasi kariah masjid Bumi Kenyalang yang telah menyertai

lawatan ini. Penyertaan peserta adalah dari Koperasi Kariah Masjid Al Abyad Taman Matang Jaya Kuching Berhad, Koperasi Kariah Masjid Al Quddus Taman Sri Wangi Kuching Berhad, Koperasi Kariah Surau Ikhwani Muslimin Matang Kuching Berhad, Koperasi Kariah Masjid Besar Bandar Sri Aman Berhad, Koperasi Kariah Masjid Nur Permai Sarikei Berhad, Koperasi Kariah Masjid Darul Halim Teku Sibu Berhad dan Koperasi Kariah Masjid Al-Mustaqim Bintulu Berhad. Encik Mohamad Suandi Mortadza, Pegawai Latihan Kanan IKMa Zon Sarawak dan Puan Nur Fatin Shazwani Ahmad, Pegawai Latihan IKMa Zon Sarawak merupakan pegawai pengiring sepanjang lawatan ini.



Encik Dino Faizal, Pegawai Latihan Kanan IKMa sedang menyampaikan perkongsian kepada para peserta

Seramai 29 orang anggota lembaga koperasi, jawatankuasa audit dalaman dan ahli jawatankuasa koperasi kariah masjid Bumi Kenyalang yang telah menyertai lawatan ini

”



Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa menyantuni peserta.

Peserta telah melawat ke Koperasi Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya, Koperasi Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Koperasi Masjid Hasanah Bangi dan Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia. Peserta juga telah dibawa melawat ke Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya, Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), Coop Bank Pertama dan Koperasi Kebuniti Selangor.



Peserta tekun mendengar taklimat daripada wakil Koperasi Kebuniti Selangor.



Sebahagian peserta bersama Anggota Lembaga Koperasi Masjid Hasanah Bangi.

Peluang, pendedahan dan hasil lawatan penanda aras ini amat diharapkan dapat meningkatkan kualiti pengurusan, tadbir urus dan perniagaan koperasi kariah masjid. Pada masa yang sama juga usaha-usaha berterusan bimbingan IKMa akan dipergiatkan untuk memantapkan modal insan gerakan koperasi bagi mencapai matlamat penubuhannya.



Sekitar lawatan ke Kop Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya.

IKMa DAN YAYASAN ANGKASA PERKASA GRADUAN MELALUI SIJIL PENGURUSAN KOPERASI

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi

Yayasan ANGKASA dengan kerjasama dengan Pusat Pendidikan Tinggi (PPT), IKMa telah menganjurkan Kursus Sijil Pengurusan Koperasi selama tiga hari bermula 2 hingga 4 Mei 2026 di Hotel Whyndam Garden I-City Shah Alam.

Program ini melibatkan seramai 85 orang pelajar tahun akhir tajaan Yayasan ANGKASA serta tujuh Pegawai Latihan IKMa. Penganjuran kursus ini bertujuan memberikan nilai tambah kepada pelajar melalui pendedahan kepada bidang pengurusan koperasi serta

melahirkan graduan yang lebih berpengetahuan dan berdaya saing.

Sepanjang kursus, peserta didedahkan kepada pelbagai topik penting antaranya Kenali Koperasi, Asas Perundangan Koperasi, Celik Koperasi, Memahami Penyata Kewangan Koperasi, Pemasaran Digital Koperasi, Sistem Pentadbiran Koperasi, dan Perancangan Perniagaan Koperasi.

Majlis perasmian kursus Pensijilan Pengurusan Koperasi serta Bimbingan Kerjaya dan

program ini dapat membuka minda pelajar terhadap peluang dalam sektor koperasi serta membekalkan mereka dengan ilmu dan kemahiran yang relevan untuk masa hadapan

”



YB Datuk Mohamad Alamin bersama pelajar Yayasan ANGKASA.



YB Datuk Mohamad Alamin bersama pelajar peserta terbaik kategori lelaki dan perempuan bagi kursus Pensijilan Pengurusan Koperasi serta Bimbingan Kerjaya dan Keusahawanan 2026.

Keusahawanan pelajar Pembiayaan Pendidikan Yayasan ANGKASA 2026 telah disempurnakan oleh YB Datuk Mohamad Alamin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP). Turut hadir ialah YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Pengerusi Yayasan ANGKASA, YBhg. Datuk

Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Encik Mohamad Rasydi Abd Rashid, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan & Perundingan Koperasi (BPPK), Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan ANGKASA serta pegawai-pegawai yang terlibat.

IKMa berharap program ini dapat membuka minda pelajar terhadap peluang dalam sektor koperasi serta membekalkan mereka dengan ilmu dan kemahiran yang relevan untuk masa hadapan.



Pelajar tekun mendengar perkongsian maklumat bersama IKMa.



Sesi perkongsian oleh Puan Nur Syazwani bagi tajuk 'Perundingan Koperasi & Celik Koperasi'.



Tenaga Pengajar IKMa bersama pelajar Yayasan ANGKASA.



Perbincangan pelajar mengenai kajian kes.



Encik Mohd Zaib Mat Yunus bersama Pemenang Pertandingan Inovasi.



SEMARAK ILMU DI HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN TAN SRI NOH OMAR 2026

Norfazilah Abdul Ghani

fazilah.ag@ikma.edu.my

Unit Perkhidmatan Perpustakaan

Program seumpama ini membuktikan bahawa perpustakaan bukan sekadar tempat meminjam buku, malah bertindak sebagai hab integrasi ilmu, pemacu inovasi dan pusat pembudayaan ilmu bagi seluruh warga Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

”

Pada 12 Mac 2026 yang lalu, suasana di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bertukar ceria dan penuh bermakna bersempena dengan penganjuran Hari Terbuka Perpustakaan Tan Sri Noh Omar 2026. Program tahunan yang dinanti-nantikan ini bermulaseawal jam 9 pagi dengan pendaftaran kehadiran warga IKMa serta para jemputan yang memenuhi ruang legar perpustakaan.

Sebagai sebuah institusi yang menjadi nadi pembangunan keusahawanan dan koperasi

negara, penganjuran hari terbuka ini merupakan salah satu usaha proaktif pihak perpustakaan dalam mendekatkan warga kerja dengan khazanah ilmu di perpustakaan di samping menyemarakkan lagi sambutan Jubli Platinum 70 Tahun IKMa.

Atur cara dimulakan dengan sesi taklimat khas yang disampaikan secara langsung oleh Encik Khairul Akmal Saim, Penolong Pengarah Kanan dan Ketua Unit Perkhidmatan Perpustakaan. Sesi taklimat ini memberikan

pendedahan menyeluruh mengenai hala tuju perpustakaan, serta komitmen berterusan pihak perpustakaan dalam menyokong agenda pembelajaran sepanjang hayat di institut ini. Pengisian ini penting bagi memastikan setiap kakitangan sedar akan fungsi perpustakaan yang sentiasa berevolusi mengikut peredaran zaman.

Kemuncak pengisian ilmu sebelah pagi diteruskan melalui slot “Jemput Bicara: Sesi Perkongsian bersama Pemenang Pertandingan Inovasi 2025”. Slot perkongsian ini menampilkan barisan pemenang bagi Hari Inovasi IKMa yang lalu untuk berkongsi idea kreatif dan inovasi. Para hadirin berpeluang mendengar kupasan perkongsian daripada Kumpulan Team UTM selaku pemenang tempat pertama menerusi projek inovasi

‘Sistem e-Kerjaya’ yang diterajui oleh Encik Shaiful Azly Kamsani dan Encik Muhammad Zulfadli Bachok. Tidak kurang hebatnya, Kumpulan *Ice Cold* selaku pemenang tempat kedua yang diwakili oleh Encik Muhammad Azam Norazman dan Encik Muhamad Nur Fahmi Mohd Hassan turut membentangkan kelebihan projek ‘Loyalty Card’ mereka yang memfokuskan kepada aspek kesetiaan pelanggan serta pengurusan pengguna secara digital. Sesi ini kemudiannya diakhiri dengan pembentangan daripada pemenang tempat ketiga iaitu Kumpulan The 2P yang membawakan projek ‘Sistem Kakitangan Kontrak’. Projek yang sangat dekat dengan struktur organisasi ini disampaikan dengan penuh komprehensif oleh Encik Ahmad Irham Ahmad Giran dan Puan Nurul Natasha Borhan.

Antara aktiviti sisipan yang mendapat tarikan utama ialah sesi ‘Canting Batik’ dan pengunjung berpeluang mengekspresikan kreativiti seni masing-masing. Bagi pencinta buku pula, ‘Klinik Buku’ yang disediakan sepanjang waktu program bertindak sebagai platform rujukan terbaik untuk mempelajari kaedah penjagaan, pemulihan dan apresiasi bahan bacaan dengan cara yang betul. Bagi memeriahkan lagi interaksi sosial, slot ‘Permainan Minda’ turut diadakan di ruang perpustakaan dan dimeriahkan dengan permainan tradisional serta moden seperti catur, Sahiba, dan Saidina yang berjaya menguji kecekapan strategi serta mengeratkan silaturahim sesama kakitangan.

Secara keseluruhannya, penganjuran Hari Terbuka Perpustakaan Tan Sri Noh Omar kali ini telah berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif utama. Program seumpama ini membuktikan bahawa perpustakaan bukan sekadar tempat meminjam buku, malah bertindak sebagai hab integrasi ilmu, pemacu inovasi dan pusat pembudayaan ilmu bagi seluruh warga Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh jawatankuasa pelaksana yang terlibat atas komitmen tinggi dalam menjayakan acara berimpak ini.



SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA MAHASISWA UiTM PUNCAK PERDANA: MEMACU KERJAYA DALAM PENGURUSAN MAKLUMAT

Khairul Akmal Saim

akmal@ikma.edu.my

Unit Perkhidmatan Perpustakaan

Dalam usaha merapatkan jurang antara menara gading dan industri, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama Fakulti Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Sesi Pengajaran Kolaboratif (Collaborative Teaching Session) bagi kod kursus IML527: Knowledge Management in Libraries and Media Centers pada hari Selasa 19 Mei 2026.

Program yang berlangsung di kampus UiTM Puncak Perdana Shah Alam telah dihadiri seramai 30 orang pelajar dari fakulti berkenaan bersama pensyarah pengiring, Dr. A'dillah Mustafa. Sesi interaktif yang bertajuk "From Campus to Career: Knowledge Management Lessons from a Librarian" ini menampilkan Encik Khairul Akmal Saim, pustakawan yang mengurus dan menjalankan pembudayaan pengurusan pengetahuan sebagai penceramah jemputan. Objektif

utama program ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada aplikasi praktikal pengurusan pengetahuan (KM) dalam landskap perpustakaan dan pusat media, di samping berkongsi pengalaman berharga seorang pustakawan profesional dalam mengurus aset intelek organisasi.

Sepanjang sesi satu jam tersebut, beliau mengupas kepentingan KM sebagai pemacu impak strategik dalam sesebuah institusi. Beliau menekankan bahawa pengurusan pengetahuan bukan sekadar menyimpan data, malah melibatkan proses belajar, berkongsi, dan mengaplikasi maklumat bagi memperkasakan modal insan serta memajukan kerjaya. Melalui perkongsian realistik ini, para pelajar berpeluang melihat bagaimana teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah diterjemahkan ke dalam strategi organisasi di alam pekerjaan yang sebenar.

Kehadiran secara aktif pelajar dari fakulti ini membuktikan komitmen tinggi generasi muda dalam mempersiapkan diri mendepani cabaran industri masa kini. Sesi soal jawab yang diadakan turut memperlihatkan keterujaan para pelajar dalam mendalami seluk-beluk pengurusan maklumat moden.

Pihak IKMa berharap agar program kolaboratif seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan. Kerjasama ini diharap mampu menjadi platform berterusan dalam melahirkan graduan yang berdaya saing, berpengetahuan luas, serta bersedia memimpin industri pengurusan maklumat. Selaras dengan moto program, "Knowledge connects. Management transforms. Impact lasts," IKMa komited untuk terus menyokong agenda pemerkasaan ilmu demi impak yang berkekalan.



NUANSA BATIK MALAYSIA WARNAI MAJLIS APC 2025: IKMa RAI 21 PENERIMA PERKHIDMATAN CEMERLANG

Nor Azmawati Hj Mohd Shafii

azmawati@ikma.edu.my

Unit Pengurusan Sumber Manusia



Budaya menghargai kecemerlangan perkhidmatan awam terus diperkukuh apabila Institut Koperasi Malaysia (IKMa) berjaya menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2025. Majlis yang berlangsung dalam suasana penuh gilang-gemilang itu telah diadakan pada 30 April 2026 bertempat di Dewan De' Seri Endon, PUSPANITAPURI, Putrajaya.

Mengulang tradisi penganjuran tahun-tahun sebelum ini, majlis gilang-gemilang tersebut dilaksanakan secara bersama dengan Majlis APC Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Turut serta dalam majlis gabungan ini ialah beberapa agensi di bawah

kementerian termasuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan SME Corp. Malaysia.

Memilih 'Nuansa Batik Malaysia' sebagai tema rasmi, dewan acara menjadi unik dengan busana batik yang digayakan oleh para hadirin. Pemilihan tema ini mencerminkan kebanggaan terhadap identiti tempatan dalam majlis yang bertujuan meraikan serta menghargai komitmen jitu seluruh wargakerja KUSKOP amnya dan IKMa khususnya.

Meskipun diraikan dalam konsep yang serba sederhana, momentum kemeriah majlis tetap dirasai. Detik paling bermakna tertumpu kepada pengiktirafan rasmi kecemerlangan penjawat awam

yang menyaksikan seramai 21 orang kakitangan IKMa dipilih sebagai penerima anugerah di atas kecemerlangan mutu kerja sepanjang tahun 2025.

Majlis pengiktirafan kecermalangan secara tahunan ini telah disempurnakan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kehadiran beliau yang diiringi oleh Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud dan ketua jabatan dari setiap agensi membuktikan sokongan padu pihak pengurusan tertinggi kementerian dan agensi terhadap agenda pemerkasaan modal insan. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran barisan kepimpinan tertinggi

IKMa yang diketuai oleh Ketua Pengarah, YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor. Hadir sama memberikan sokongan moral kepada para penerima anugerah ialah Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa, Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan IKMa, Puan Hamidah Mohd Jos, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan, Puan Sri Datin Seri Noraesyah Saari dan Pengarah Kanan Bahagian Dasar dan Strategi, Puan Hajah Sharina Abdullah.

Penganjuran APC kali ini diharapkan dapat menyuntik semangat baharu bukan sahaja kepada para

penerima, malah kepada seluruh wargakerja agensi untuk terus memacu kecemerlangan sektor koperasi dan keusahawanan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Melalui komitmen dan kerjasama bersepadu daripada pelbagai pihak, pengurusan IKMa berjaya mengekalkan tradisi tahunan dalam memberi pengiktirafan kepada warga kerja yang mempamerkan tahap perkhidmatan yang cemerlang. Majlis pada kali ini telah meraikan seramai 21 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Senarai penerima anugerah tersebut adalah seperti berikut:

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2025

Bil.	Nama Penuh	Jawatan Dan Gred
1	Puan Sri Datin Seri Noraesyah binti Saari	Pengarah Kanan Gred E13
2	Zurita binti Mohd Saleh	Pengarah Gred E12
3	Mohamad Haswardi bin Morshidi	Pengarah Gred E12
4	Mohammad Pisah bin Ali	Pengarah Caw. Gred E12
5	Dayang Adelina binti Hj. Abang Mu'an	Pegawai Tadbir Gred N10
6	Nor Alyani binti Abdul Razak	Pegawai Latihan Gred E10
7	Mohd Fitri bin Ab Rahman	Pegawai Latihan Gred E10
8	Nur Anizah binti Aziz	Pegawai Latihan Gred E9
9	Zaharatul Laili binti Zakaria	Pegawai Tadbir Gred N9
10	Nur Fatin Shazwani binti Ahmad	Pegawai Latihan Gred E9
11	Asnida binti Adam	Setiausaha Pejabat Gred N6
12	Mohd Shahril bin Md Saleh	Penolong Akauntan Gred W6
13	Hartini binti Taman	Penolong Akauntan Gred W6
14	Hairulnizam bin Mohd Rosli	Penolong Jurutera Gred Ja5
15	Abu Bakar bin Ramle	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2
16	Jamil Azmal bin Abd Rani	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1
17	Mohd Al-Bukhari bin Mohamad Khalid	Pereka Gred B1
18	Norulhuda binti Baharudin	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1
19	Mohd Irwan bin Abdul Malik	Pembantu Khidmat Am Gred H1
20	Muhamad Nur Fahmi bin Mohd Hassan	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1
21	Wan Nurul Azzila binti Wan Jusoh	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1

Komitmen ini diharap dapat menjadi pemangkin motivasi dan sumber inspirasi yang berterusan buat seluruh warga IKMa untuk terus melakar kecemerlangan.

Sebagaimana lazim, penerima APC menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang juga insentif Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) bernilai RM1000.

Atur acara majlis diserikan lagi dengan persembahan nyanyian dari Kumpula Koir Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Suasana dewan terus dihangatkan dengan persembahan istimewa Kugiran ASWARA yang berjaya menghiburkan kira-kira 500 orang hadirin dan para penerima anugerah.

Pihak Pengurusan IKMa menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas atas usaha serta dedikasi yang dicurahkan oleh semua pihak yang telah berjaya bekerjasama bagi memastikan majlis ini berjalan lancar sebagaimana yang diharapkan.

Sumbangan murni ini menjadi tunjang utama dalam memastikan IKMa kekal mampan demi merealisasikan visi dan misi pembangunan modal insan gerakan koperasi. Komitmen ini diharap dapat menjadi pemangkin motivasi dan sumber inspirasi yang berterusan buat seluruh warga IKMa untuk terus melakar kecemerlangan.

MEMPERKASA KOMPETENSI PEGAWAI LATIHAN PROFESIONAL

Fatin Hidayah Nazarudin
 fatinhidayah@ikma.edu.my
 Unit Pengurusan Sumber Manusia



Bengkel *Train The Trainer* (TTT) IKMa merupakan inisiatif komprehensif khas kepada pegawai latihan bagi melahirkan tenaga pengajar profesional, bertauliah, dan berimpak tinggi dalam Program ini bertujuan meningkatkan kompetensi pegawai latihan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan mengenal pasti kepentingan latihan dalam organisasi dan peranan pegawai latihan sektor awam, serta mengaplikasikan penyampaian berkesan berasaskan strategi pembelajaran dewasa.

Pengisian program fokus kepada kefahaman psikologi pembelajaran dewasa (andragogi) yang bersifat interaktif dan berpusatkan peserta. Melalui platform ini, peserta dilatih menguasai kompetensi teras seperti komunikasi berkesan, reka bentuk kurikulum responsif, dan penyampaian berkeyakinan tinggi bagi memastikan IKMa kekal relevan sebagai institusi peneraju gerakan koperasi di peringkat global. IKMa telah melaksanakan program ini dalam dua siri, iaitu pada 25 Mei hingga 2 Jun 2023 dan 4 hingga 8 Ogos 2025.

Seiring dengan hasrat pemantapan kualiti pegawai latihan IKMa, pegawai yang telah menyertai Kursus Pensijilan *Train The Trainers* di bawah Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dikehendaki melengkapkan penilaian *Assessment Level 2* untuk menerima akreditasi sebagai HRD Corp *Certified Trainer*. Langkah strategik ini sejajar dengan

visi Pelan Induk Pembangunan Strategik Modal Insan (PIPSM) IKMa 2024-2030 demi melahirkan Modal Insan IKMa yang Cemerlang dan berkredibiliti tinggi di peringkat nasional.

Berikut adalah senarai pegawai yang telah menerima akreditasi HRD Corp *Certified Trainer*:

Bil.	Nama Pegawai Latihan	Penempatan
1.	Pn. Hj. Siti Maimunah Jerni	Zon Sarawak
2.	Dr. Zurita Mohd Saleh	Pusat Antarabangsa (CI)
3.	Pn. Norbiha Kosmuri @ Kasmuri	Pusat Pendidikan Tinggi (PPT)
4.	Pn. Noranita Mohd Nor	Zon Tengah
5.	Pn. Haslinda Sujak	Zon Timur
6.	Pn. Hj. Yusnita Othman	Zon Utara
7.	Dr. Mohd Shahron Anuar Said	Pusat Kewangan & Akaun (PKA)
8.	Pn. Nor Aslamiah Ali	Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)
9.	Pn. Nor Azlina Kassim	Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)
10.	En. Zulkiflee Aspan	Pusat Pembangunan Koperasi (PPK)
11.	Pn. Juliana Md Yusop	Bahagian Keusahawanan & Perniagaan (BKP)
12.	Pn. Adila Hashim	Zon Selatan
13.	Cik Norsyeirawani Shari	Pusat Perundingan Koperasi (PRK)
14.	En. Hasrin Abu Hassan	Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP)
15.	Cik Dinah Nabilah Mokhtaruddin	Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP)
16.	Pn. Julizah Sabstu	Pusat Kewangan & Akaun (PKA)
17.	Pn. Hajar Azwin Mohamad Ashi	Zon Tengah

UNGGUL BERSINAR: SPINE ANGKAT MARTABAT IKMa 2026

Afiza Abd Karim
afiza@ikma.edu.my
Unit Integriti



Sesi taklimat Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE) kepada pengurusan tertinggi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) mengenai pelaksanaan dan proses penilaian yang akan dilaksanakan di IKMa.

Memasuki tahun 2026, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melaksanakan Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE) selaras dengan *Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2025* yang berkuat kuasa mulai 29 Disember 2025. SPINE dibangunkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai mekanisme semakan sendiri berasaskan pendekatan PDCA (Plan-Do-Check-Action), dengan tujuh elemen utama merangkumi nilai integriti, pengurusan risiko, polisi dan prosedur, sistem aduan, penguatkuasaan tatakelakuan, latihan kesedaran, serta pemantauan dan penilaian berkala. Pelaksanaan ini adalah sebahagian daripada usaha nasional di

bawah Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) dan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS), serta menyokong aspirasi Malaysia MADANI untuk meningkatkan kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang 2033.

Pelaksanaan SPINE di IKMa bukan sekadar memenuhi tuntutan pekeling, tetapi menjadi wahana penting untuk memperkukuh tadbir urus organisasi secara menyeluruh. Melalui penilaian sendiri yang sistematik, IKMa berupaya meningkatkan kecekapan kawalan dalaman dan memastikan pematuhan dasar berjalan dengan lebih berkesan.

Pada masa yang sama, budaya integriti diperkasakan dengan penglibatan aktif seluruh warga kerja dalam latihan, komunikasi dan pembudayaan nilai integriti sebagai norma harian. Kejayaan mencapai tahap Unggul ($\geq 90\%$) membolehkan IKMa menerima pengiktirafan rasmi melalui Sijil SPINE, sekali gus mengangkat kredibiliti organisasi sebagai pusat latihan koperasi yang berprestij. Lebih daripada itu, pencapaian ini menyumbang secara langsung kepada aspirasi nasional dalam memperkukuh keyakinan rakyat dan pelabur terhadap institusi awam, menjadikan IKMa contoh teladan dalam usaha membina Malaysia yang berintegriti dan berdaya saing.

Taklimat SPINE pada 27 Februari 2026 menjelaskan bahawa sistem ini fleksibel, praktikal dan komprehensif, serta melengkapkan mekanisme sedia ada seperti ABMS, NACS dan MyGovernance. IKMa kemudiannya menjalani Penilaian Kendiri pada 9 Mac 2026, yang mencatatkan pencapaian Unggul ($\geq 90\%$).

Pada 14 Mei 2026, penilaian lapangan telah dilaksanakan oleh tiga orang panel penilai dari Institut Integriti Malaysia (IIM). Dalam ucapan pembukaan YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa menzahirkan harapan besar agar pencapaian Unggul yang diraih dalam penilaian sendiri turut disahkan melalui penilaian lapangan ini. Sekiranya kejayaan tersebut diperolehi, ia akan bertepatan dengan Sambutan Jubli Platinum 70 Tahun IKMa, sekali gus menjadi simbol kejayaan bersejarah yang mengangkat martabat organisasi sebagai pusat latihan koperasi yang unggul dan berprestij.

Hasil penilaian penuh menunjukkan IKMa memperoleh markah keseluruhan melebihi 90%, sekali gus menempatkan organisasi ini pada tahap **Unggul**. Pencapaian ini didukung oleh kekuatan asas yang mantap, khususnya melalui pengaplikasian ISO 9001 dan ISO 37001 yang menjadi tonggak utama kepada sistem tadbir urus, kawalan dalaman serta pengurusan antirasuah. Keutuhan tersebut diperkaya dengan polisi, prosedur dan dokumentasi yang tersusun rapi, melahirkan budaya pematuhan yang konsisten dan berdaya tahan. Lebih daripada itu, komitmen padu pengurusan tertinggi bersama seluruh warga IKMa dalam membudayakan integriti sebagai norma kerja harian telah memperkukuh kredibiliti organisasi. Lebih signifikan, IKMa merupakan antara 37 kementerian dan agensi terpilih yang menerima pengiktirafan SPINE Unggul bagi kumpulan pertama penarafan ini.

Pencapaian Unggul dalam penilaian SPINE menjadi bukti bahawa IKMa

telah melaksanakan elemen integriti, *governans* dan antirasuah secara menyeluruh, tersusun dan berkesan. Kejayaan ini bukan sahaja mengangkat kredibiliti IKMa sebagai pusat latihan koperasi yang berprestij, malah menegaskan komitmen organisasi terhadap prinsip “Berintegriti, Berkhidmat untuk Negara”. Dengan momentum yang telah diraih, IKMa bertekad mengekalkan tahap Unggul melalui semakan berkala, pemantapan bukti pelaksanaan, pengukuran impak program serta pembudayaan integriti yang konsisten di semua peringkat. Langkah ini akan memastikan IKMa terus menjadi peneraju dalam memperkasa integriti sektor awam, sekali gus menjadi rujukan amalan terbaik di peringkat nasional.

Kejayaan ini juga bertepatan dengan Sambutan Jubli Platinum 70 Tahun IKMa, menjadikannya simbol pencapaian bersejarah yang menegaskan kedudukan IKMa sebagai organisasi yang terus gemilang demi Malaysia MADANI.



Penilaian lapangan telah dilaksanakan oleh tiga orang panel penilai dari Institut Integriti Malaysia (IIM).

PROGRAM BUBUR LAMBUK, IMARAHKAN RAMADAN

Nasuha Nezuakifli

nasuha@ikma.edu.my
IKMa Zon Utara



Aktiviti penyediaan bahan mentah.



Proses memasak bubur lambuk.



Edaran bubur lambuk kepada orang ramai



Edaran bubur lambuk kepada agensi.

Menyedari bahawa bulan Ramadan merupakan waktu terbaik untuk melipat gandakan amalan kebajikan serta berkongsi rezeki, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Memasak dan Mengedar Bubur Lambuk pada 8 Mac 2026. Program ini telah berlangsung di Pejabat IKMa Zon Utara, Alor Setar, Kedah.

Aktiviti memasak bubur lambuk telah bermula seawal jam 8.30 pagi dengan penglibatan seramai lapan orang staf IKMa Zon Utara. Hasil daripada usaha bersama, sebanyak 57 bekas bubur lambuk berjaya disediakan dan diedarkan kepada orang ramai serta agensi-agensi berhampiran. Melalui penganjuran

program ini, IKMa Zon Utara bukan sahaja berjaya mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat dalam gerakan koperasi malah turut memperkukuh jalinan silaturahim antara warga kerja IKMa dan masyarakat. agar inisiatif seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi terus menyemarakkan semangat Ramadan dan memperkukuh hubungan antara IKMa dan masyarakat setempat.

IKMa Zon Utara ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Badan Kebajikan Kakitangan Islam (BAKIM) IKMa atas sumbangan dana yang telah disalurkan bagi menjayakan program ini.



Edaran bubur lambuk kepada orang ramai di hadapan bangunan Pekan Rabu.



PROGRAM IHYA RAMADAN 2026

IKMa ZON TIMUR

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
maryam.hamidah@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur telah mengadakan Program Ihya Ramadan 2026 pada 12 Mac 2026 bertempat di IKMa Zon Timur, Kuantan. Objektif program ini dilaksanakan adalah bersempena menyambut bulan Ramadan dan ianya sebagai salah satu cara untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan meningkatkan semangat kerja berpasukan di kalangan warga kerja IKMa Zon Timur. Kesemua kakitangan IKMa Zon Timur bersama keluarga, pekerja-pekerja pembersihan, dan pegawai keselamatan telah menghadiri program ini.

Program telah berlangsung dalam suasana yang penuh ukhuwah

dan dimulakan dengan gotong royong mengacau bubur pulut hitam sebagai juadah berbuka puasa. Bubur yang telah dimasak diedarkan kepada rakan-rakan agensi kerajaan, koperasi serta masjid di sekitar kawasan Indera Mahkota dan bandar Kuantan. Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan antara kakitangan serta mengeratkan lagi silaturahim antara IKMa dengan agensi, koperasi dan komuniti setempat sempena bulan Ramadan yang mulia.

Pada sebelah petangnya pula, telah diadakan majlis berbuka puasa kakitangan IKMa Zon Timur bersama keluarga. Bukan sekadar



Edaran juadah berbuka puasa ke agensi kerajaan.



Kakitangan IKMa Zon Timur bergotong royong menyediakan juadah bubur pulut hitam.



Edaran juadah berbuka puasa ke koperasi.

Edaran juadah
berbuka puasa
ke masjid
sekitar Indera
Mahkota.



Kakitangan pembersihan dan pegawai
keselamatan turut serta bagi majlis berbuka puasa.



Sebahagian warga kerja bersama ahli keluarga.

makan-makan, majlis berbuka puasa ini menjadi medan untuk semua kakitangan serta keluarga untuk mengeratkan hubungan dan silaturahim antara ahli keluarga rakan-rakan kerja yang ada. Kemeriahan dirasai apabila melihat gelagat anak-anak yang saling bernesra dalam suasana yang cukup santai.

Terima kasih kepada semua yang hadir memeriahkan suasana.

Semoga ukhuwah yang terjalin ini membawa lebih banyak keberkatan dalam gerak kerja semua di IKMa Zon Timur. Melalui program sebegini, ia diyakini dapat mewujudkan budaya kerja cemerlang, nilai-nilai murni serta semangat kekeluargaan di IKMa Zon Timur. Secara keseluruhan, Program Ihya Ramadan IKMa Zon Timur 2026 berjaya mencapai matlamatnya dan akan diteruskan untuk tahun-tahun berikutnya.

Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan antara kakitangan serta mengeratkan lagi silaturahim antara IKMa dengan agensi, koperasi dan komuniti setempat sempena bulan Ramadan yang mulia

PROGRAM KORBAN 2026 ANJURAN BAKIM

ERATKAN UKHUWAH WARGA IKMa

Amalina Ibrahim

amalina@ikma.edu.my

Badan Kebajikan Kakitangan Islam

Program Ibadah Korban 2026 anjuran Badan Kebajikan Kakitangan Islam Institut Koperasi Malaysia (BAKIM) telah berlangsung dengan jayanya pada 29 Mei 2026 yang melibatkan penyertaan aktif warga Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Program tahunan ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan BAKIM bagi menghayati tuntutan ibadah korban di samping memperkukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan kakitangan.

Sebanyak tiga ekor lembu korban telah disempurnakan dalam program yang berlangsung dalam suasana penuh semangat kerjasama dan muafakat. Kakitangan IKMa berganding bahu dalam pelbagai aktiviti termasuk

proses penyembelihan, melapah, membungkus dan mengagihkan daging korban kepada golongan yang berhak menerima manfaat.

Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada peserta untuk melaksanakan ibadah korban, malah menjadi platform untuk memupuk nilai-nilai murni seperti keikhlasan, pengorbanan, kerjasama dan semangat kesukarelawan. Selain memenuhi tuntutan syariat, pelaksanaan program ini turut mengeratkan hubungan sesama warga kerja melalui semangat gotong-royong yang menjadi teras kejayaan penganjurannya.

Kehadiran dan penglibatan aktif warga kerja IKMa menjadikan

program ini lebih bermakna serta memberi impak positif kepada semua yang terlibat. BAKIM merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta, sukarelawan serta pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan Program Ibadah Korban 2026.

Diharapkan program seumpama ini akan terus menjadi wadah dalam memperkukuhkan ukhuwah, menyemai budaya kebajikan dan memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan warga IKMa. Melalui penganjuran program ini secara tidak langsung dapat melahirkan warga IKMa yang bukan sahaja cemerlang dalam tugas, malah prihatin terhadap nilai kemanusiaan dan kebajikan masyarakat.



Tahniah & Syabas

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah dianugerahkan pengiktirafan Five Star Recognition ESG Learning Centre 2025 sempena Asia Pacific Sustainability Conference & Malaysia Global Sustainability Awards 2025 (MGSA 2025). Anugerah ini membuktikan komitmen IKMa sebagai institusi peneraju dalam pembangunan pembelajaran dan amalan ESG bagi sektor koperasi.



IKMa terus memperkuat komitmen terhadap kelestarian apabila diiktiraf sebagai Rakan Kongsi Rendah Karbon Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hasil pengurangan pelepasan Gas Rumah Kaca sebanyak 6.49%, bersamaan 1.83 tCO₂eq, sejak tahun 2023.

Komitmen IKMa dalam memperkukuh budaya integriti dan tadbir urus cemerlang terus mendapat pengiktirafan apabila dipilih sebagai antara 37 kementerian dan agensi yang menerima Pengiktirafan Unggul Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE) 2026 bagi kumpulan pertama penarafan. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar kepada YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa.



Pengiktirafan Tandas Bersih 2025 sempena Majlis Anugerah Premis Makanan dan Tandas Bersih Tahun 2025 oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Selangor



Majlis Anugerah
PREMIS MAKANAN & TANDAS BERKUALITI
TAHUN 2025

**KATEGORI
TANDAS PEJABAT KERAJAAN**

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKM)
JALAN TEMPLEY, PUS 7,
46700 PETALING JAYA

IKMa menerima anugerah Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) di dalam Pengurusan Latihan dan Pengurusan Promosi Latihan dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).



Sesi Wawancara Radio



Kunjungan Hormat ke FINAS





Kunjungan Hormat ke HRD Corp



**Kunjungan Hormat
ke KOPETRO**





Lawatan Penanda Aras Pengurusan Pengetahuan ke
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Program Bubur Lambuk

**Majlis Perhimpunan
Dwibulanan Bersama Ketua
Pengarah Institut Koperasi
Malaysia dan Jualan
Madani Rakyat**



**Majlis Tadarus Sempena
Ramadan di Surau An-Naim
KUSKOP**



Program Ceramah Ramadan





Program Jom Camping Bersama KSS X BAKIM | Campsite Pak Abas, Gopeng Perak



Program Brisk Walk di Tasik Taman Jaya



Penganugerahan Darjah dan Pingat Kebesaran

SAMBUTAN



*Mendidik Koperasi
Menjunjung Legasi*

Sempena sambutan bersejarah ini, pelbagai program menarik dan bermakna telah dirancang dengan teliti bagi memeriahkan lagi perayaan Jubli Platinum IKMa. Setiap program yang dirangka bukan sahaja bertujuan meraikan pencapaian ini, malah turut memberi manfaat kepada komuniti, rakan kongsi strategik dan seluruh warga koperasi di Malaysia.



SENARAI PROGRAM SAMBUTAN JUBLI PLATINUM IKMa KE-70

☐ Program Sumbang Saran	☐ Video Dokumentari 70 Tahun IKMa (Kerjasama FINAS)	☐ Pelancaran Lagu IKMa	☐ Cenderamata Korporat Khas 70 Tahun IKMa
☐ Sticker Wrapping Kenderaan IKMa	☐ Pelancaran LOGO / Jom@Coop	☐ Billboard IKMa 70 Tahun	☐ Majlis Berbuka Puasa Sempena 70 Tahun
☐ Penajaan Sempena Makan Malam (Jualan Meja)	☐ Sesi Wawancara dan Hebahan Media Massa	☐ Gotong-royong Perdana IKMa	☐ Kuiz Koperasi
☐ Podcast Bicara Platinum	☐ MoU IPT	☐ Debat Koperasi Sempena 70 Tahun	☐ Kembara IKMa & Koperasi (Treasure Hunt)
☐ Staff Day Sempena Jubli Platinum	☐ CSR Jubli Platinum — 700 Pokok Bakau	☐ Rakaman Forum Perdana	☐ Program Antarabangsa — Libat Urus Pegawai Institusi Latihan Koperasi ASEAN
☐ Karnival JOM IKMa	☐ Larian Jubli Platinum IKMa	☐ Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Sempena 70 Tahun	☐ Buku Coffee Table 70 Tahun
☐ GiK Koperasi	☐ Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi	☐ Majlis Makan Malam Jubli Platinum	☐ Pelancaran Icon Digital IKMa